


SOROTAN DARAT



JURNAL TENTERA DARAT MALAYSIA

KANDUNGAN CONTENTS


Dari Meja Editor	2
Keselamatan Negara Menjelang Abad Ke-21 - Prospek dan Cabaran Kapt Rosmin bin Muhamad	3
An Overview of Management Kol Mohd Ariffin bin Che Mat Din	15
Pengukuran Kadar Kekuatan Angkatan Tentera Mej Norazman bin Mohamad Nor	28
Tembinaan Kem-Kem Angkatan Tentera Melalui Penswastaan Lt Kol Ir Baharul Razi bin Abu Hani	33
Kerjasama Ekonomi Secara Multilateral di Asia-Pasifik - Cabaran dan Prospek Mej Mohd Ramli bin Jaafar	43
Algiers Treaty 1975 - Abrogation and Reconciliation by Iraq Lt Kol Mohd Nawi Ibrahim	54
Dilemma of Servicemen - A Case Study Mej Amiruddin bin Ismail	61
An Analysis of Fuller's Theories on Armoured Warfare Mej R Anthony Raja Gopal	68
Semenang Artikel Terbaik Edisi Ke-31	76
Apakah Kuasa/Kekuatan Tentera Masih Ada Kebergunaannya? Jika Benar Dalam Bentuk dan Keadaan yang Bagaimana? Mej Amiruddin bin Hj Sadali	77
National Election in Bosnia Herzegovina Kapt Benjamin Au Kok Wai	85



11



40



82



KESELAMATAN MALAYSIA MENJELANG ABAD KE-21: PROSPEK DAN CABARAN

Kapt Rosmin bin Muhammed

SINOPSIS

Keselamatan sesebuah negara akan sentiasa dipelihara dan dijaga dengan sewajarnya bagi menghalang dan menghindari sebarang ancaman baik dari dalam maupun luar negara. Keupayaan negara mempertahankan nilai-nilai keselamatan meliputi aspek ekonomi, politik, sosial dan ketenteraan yang sekali gus mencerminkan kekuahan pemerintahan dalam menentukan kedaulatan negara tidak diganggu gugat dengan sewenang-wenangnya oleh anasir-anasir yang tidak diingini.

Di antara fenomena-fenomena yang membawa implikasi yang buruk ke atas kestabilan dan kedaulatan negara berpunca daripada gejala-gejala seperti permasalahan dalam masyarakat majmuk, pencemaran alam sekitar, gerakan golongan-golongan ekstremis agama dan kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin tanpa kawalan. Manakala ancaman luaran yang utama adalah kedudukan geostrategik negara, tuntutan bertindih dan isu-isu persempadanan bersama.

Demi untuk mengelakkan semua gejala ini, semangat nasionalisme perlu ada dalam mempertahankan kedaulatan negara. Perkara-perkara yang perlu dititikberatkan adalah perpaduan nasional, fundamental keagamaan, dasar luar dan pertahanan negara serta yang paling utama adalah corak kepimpinan pemerintahan negara itu sendiri.

PENDAHULUAN

Keselamatan ditakrifkan sebagai satu keadaan yang terhindar dari bahaya dan ancaman luaran. Ianya dapat disifatkan sebagai satu gabungan

tindakan-tindakan yang diambil oleh sesebuah negara untuk mempertahankan nilai-nilai negara atau kedaulatan, kemerdekaan dan keharmonian hidup rakyat negara tersebut. Justeru, salah satu usaha atau penelitian utama Malaysia adalah untuk menjamin agar kedaulatan negara tidak dicabut dengan sewenang-wenangnya. Bagi menjaga dan

memelihara keharmonian, kesejahteraan dan kestabilan rakyatnya, keselamatan diberi keutamaan yang tidak ada tolok bandingnya. Muthiah Alagappa di dalam bukunya "The National Security of Developing Country" menyatakan:

"... it is a prerequisite side to the pursuit of National Security both in its internal and external dimension. It provides the means to neutralize some of the domestic sources of conflict, make the state less vulnerable to external pressure and penetration and make possible the allocation of necessary resources to counter internal and external threat..."

(M Alagappa. 1987:14)

KESELAMATAN NEGARA

Dalam memperkatakan ancaman keselamatan yang bakal dihadapi oleh negara menjelang abad ke-21, skop kajiannya masih tidak lengkap dan kabur terutamanya yang berkaitan dengan persepsi konsep-konsepnya. Terdapat pelbagai pengertian, interpretasi dan takrif yang dikemukakan tentang apakah sebenarnya keselamatan negara.

Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad di dalam ucapannya mengenai keselamatan negara telah menyebut:

"Keselamatan negara bukanlah perkara tentang keupayaan tentera sahaja. Keselamatan negara tidak boleh dipisahkan dari kestabilan politik, kejayaan ekonomi dan keharmonian sosial. Tanpa perkara-perkara ini, seluruh senjata di dunia

tidak boleh menghalang sesebuah negara dari ditakluki oleh musuhnya, yang boleh memenuhi cita-citanya tanpa melepaskan satu tembakanpun"

(YAB Dato' Seri Dr. Mahathir)

Kenyataan di atas membayangkan bahawa 'matlamat negara' dan 'nilai-nilai asas' yang diinginkan oleh YAB Perdana Menteri adalah kestabilan politik, kejayaan ekonomi dan keharmonian sosial bagi masyarakat Malaysia. Manakala Barry Buzan, mendefinisikan Keselamatan Negara sebagai:

"... the concept of security is seldom addressed in actors and groups, and the discussion has a heavy military emphasis".

(B Buzan. 1983: 3)

Berg dan Arden di dalam bukunya 'Strategic Disarmament, Verification and National Security' pula mendefinisikan keselamatan negara sebagai 'the probability of survival of a nation-state'. Frank N. Trager dan F. N. Simone pula mentakrifkan sebagai:

"...is that part of government policy having as its objective the creation of national and international political conditions favourable to protection or extension of vital national values against existing and potential adversaries".

(B Buzan. 1983: 216-217)

Secara amnya, konsep keselamatan negara yang ditafsirkan oleh 'scholar' dan pengkaji Barat mempunyai pendekatan yang berkisar tentang keselamatan negara dari perspektif pertahanan daripada ancaman luar, khususnya pertahanan ketenteraan. Secara tidak langsung ia tidak boleh digunakan sepenuhnya apabila memperkatakan tentang prospek dan cabaran keselamatan di

negara-negara dunia ketiga seperti negara kita Malaysia.

Masalah utama yang dihadapi oleh negara ketiga berpunca daripada 'kelahiran' negara itu sendiri. Menurut Baghat Korany, di dalam melakukan satu penilaian kritikal terhadap masalah keselamatan di negara-negara ketiga, beliau telah mengemukakan satu hipotesis seperti berikut:

"Since the European-made model of the nation state went against territorial, ethnic, religious, geographical or cultural-historical traditions, the contradiction between national pretensions and historical structures is not only alive but intense"

(B Korany. 1986: 551-552)

Bagi Malaysia, kerajaan menghadapi masalah untuk membangunkan satu struktur negara yang boleh menampung keperluan rakyatnya yang berbilang kaum, bangsa dan agama. Dalam usaha ini, cabaran kesahihan struktur yang ingin dibangunkan sepenuhnya menjadi masalah utama. Ancaman yang berpunca dari usaha menafikan kesahihan struktur negara dan ancaman untuk menggantikan atau kembali kepada struktur tradisi telah mengakibatkan pertikaian dan konflik yang berpanjangan dikebanyakan negara ketiga. Walau bagaimanapun, negara ini masih belum mengalami implikasi dan impak seburuk itu.

Al-Mashat pula di dalam bukunya '*National Security In the Third World*' mendefinisikan Keselamatan Negara sebagai keupayaan sesuatu masyarakat itu dalam melindungi individu, kumpulan dan bangsa daripada bahaya-bahaya dari kedua-dua keadaan "Systemic and attributional". "The well being is also directly inter-related with conflict cooperation and national security" (Al-Mashat. 1986: 57). Menurut kamus "*Military Science*,

National Security" diperjelaskan sebagai "a condition of military or defence advantage" (J. M. Shafritz. 1989: 308). Dari sudut pengertian strategik keselamatan digambarkan dalam bentuk nilai abstrak dan hanya tertumpu kepada pengekalan kemerdekaan dan kedaulatan negara bangsa. Definisi bukan strategik pula menjelaskan dan memberi tumpuan kepada pemeliharaan pengaliran sumber-sumber ekonomi penting dan aspek bukan tentera dalam fungsi negara bangsa itu.

Frank N. Trager dan F.N. Simone telah mendefinisikan "...that part of government policy having as its objective the creation of national and international political condition favourable to the protection or extention of vital national value against and potential adversaries".

(B. Buzan. 1983: 217).

Secara keseluruhannya, pengertian keselamatan negara yang telah diperkatakan oleh kebanyakan sarjana-sarjana dan tokoh-tokoh politik dapatlah dirumuskan '*keupayaan sesebuah negara mempertahankan nilai-nilai keselamatan ekonomi, politik, sosial, kebudayaan dan ketenteraan daripada sebarang bentuk ancaman*'. Bagi memajukan sesebuah negara, ia memerlukan keharmonian dan kestabilan supaya keselamatan negara boleh memainkan peranan yang penting untuk menjamin keamanan rakyat dan negara.

PERSEPSI ANCAMAN KEPADA KESELAMATAN MALAYSIA

Di dalam bidang pengajian strategik dan keselamatan, sesebuah negara itu perlu mempunyai kebolehan dan kepakaran untuk menganalisis sebarang bentuk ancaman terhadap keselamatan dan kedaulatannya. Berdasarkan kepada andaian sedemikian, sesebuah negara berkeupayaan untuk

bertindak ke atas segala ancaman yang boleh menggugat kestabilan dan keselamatan negara. Namun, ia bergantung kepada kebolehan dan keupayaan sesebuah negara itu sendiri memahami situasi dan keadaan sebenar keselamatan di persekitaran negaranya. Berasaskan kepada pengetahuan yang mendalam berkaitan dengan persekitaran ini membolehkan negara menggubal polisi-polisi dan dasar tertentu yang dijadikan pegangan dan panduan dalam segala tindak tanduk dan pelaksanaan tindakan yang berkait rapat dengan keselamatan negara.

Malaysia terletak di rantau yang strategik dan penting di peta dunia. Rantau Asia Tenggara adalah satu kawasan yang sentiasa bergolak dan pergolakan yang berlaku di sini telah wujud sejak zaman Perang Dunia Pertama lagi. Kawasan ini menjadi tumpuan kuasa-kuasa besar memandangkan kedudukannya yang begitu strategik dari segi politik dan ekonomi. Hasil tumpuan ini, wujud dua sistem utama di rantau Asia Tenggara, iaitu sistem demokrasi dan juga sistem sosialis yang hidup dalam keadaan berjiran (INTAN. 1991: 818).

Ekoran daripada kedudukan yang strategik dan berkepentingan inilah, Malaysia terdedah kepada pelbagai pertelukahan politik dan keselamatan serantau. Ini jelas terbukti sejak zaman pemerintahan Kesultanan Melaka lagi, negara kita sering terdedah kepada pelbagai ancaman secara langsung atau tidak baik dari luar atau dalam. Malaysia tidak terkecuali dalam menghadapi pelbagai ancaman yang berterusan sejak dahulu dan paling mencabar ketika menghadapi zaman yang penuh kecanggihan dan berteknologi tinggi di abad ke-20 ini. Seperti juga negara-negara lain, dua bentuk ancaman yang dihadapi oleh Malaysia adalah ancaman dalam dan luaran.

Malaysia mempunyai penduduk lebih kurang 19.6 juta orang terdiri daripada berbilang kaum, agama dan kebudayaan. Orang Melayu yang

beragama Islam berjumlah lebih kurang 9 juta orang merupakan peribumi dan kaum-kaum lain bukan peribumi seperti Cina, India dan lain-lainnya Buddha, Kristian, Hindu dan lain-lain lagi. Sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat Malaysia mempunyai latarbelakang keselamatan tersendiri yang merangkumi prinsip-prinsip seperti berikut:

- * Mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, beraja dan berperlembagaan.
- * Mengamalkan prinsip-prinsip perpaduan antara kaum, agama dan budaya.
- * Mengutamakan semangat integrasi nasional bagi mengekalkan keutuhan wilayah negara.

(INTAN. 1991: 817).

Polarisasi dan Perpaduan Kaum.

Memandangkan negara ini mempunyai rakyat bersifat pulararisme (majmuk) yang terdiri dari pelbagai kaum dan agama, sudah semestinya mengamalkan nilai-nilai etika dan kebudayaan yang berlainan. Kebebasan mengamalkan nilai-nilai ini secara tidak langsung telah menyebabkan kerajaan sentiasa memainkan peranan agar sentiasa memelihara keharmoniannya bagi menjamin kestabilan dan keamanan negara. Justeru negara telah memberi tumpuan khusus dalam mempertingkatkan dan mengeratkan semangat kerjasama serta perpaduan kaum bagi mencapai dan mewujudkan satu identiti nasional. Peristiwa hitam 13 Mei 1969 masih segar di dalam ingatan dan semua yang terlibat rasanya tidak mahu lagi sejarah sebegini berulang lagi. Ini kerana dalam konteks polarisasi kaum sejak 1948 sehingga 1990, sebanyak 21 pergaduhan melibatkan kaum Melayu dan Cina berlaku dan yang terakhir berlaku pada tahun 1987 (K Das dan Suaran. 1989: 148).

Faktor-faktor yang boleh menjurus kepada ancaman perpecahan dan semangat perkauman yang

sekaligus menggugat keselamatan negara meliputi ciri-ciri seperti berikut:

* **Masalah Perpaduan Negara.** Keselamatan Negara juga dibatasi oleh sejauh manakah kerajaan dapat mempertahankan semangat perpaduan di kalangan masyarakat agar ia sentiasa dan terus terjalin erat. Negara tidak akan berada di dalam keadaan aman dan tenteram andainya wujud fenomena-fenomena yang boleh mengganggu-gugat integrasi nasionalnya. Sehingga kini nampaknya belum ada tanda-tanda yang boleh menjurus ke arah tersebut. Ini dapat dilihat dari semangat perpaduan yang baik di kalangan masyarakat. Pembahagian hasil sumber ekonomi negara dapat dinikmati bersama. Tetapi adakah suasana ini akan terus berkekalan di dalam era abad ke-21 dan seterusnya? Tidak siapa dapat menentukannya. Kerajaan telah berusaha untuk merapatkan jurang perbezaan ini terutama dengan mewujudkan beberapa dasar yang relevan seperti Dasar Ekonomi Baru yang antara lain cuba mengagihkan kekayaan negara tanpa mengira batasan kaum.

* **Perbezaan Pegangan Agama dan Kebudayaan.** Masyarakat majmuk di Malaysia yang terdiri dari pelbagai kumpulan-kumpulan etnik dengan agama dan kebudayaan yang berlainan sebenarnya memberi cabaran kepada perpaduan negara. Maka disinilah kebijaksanaan pemimpin-pemimpin dalam menangani isu ini. Kebebasan mengamalkan cara hidup mengikut etnik masing-masing hendaklah dihormati dan dipelihara sebilang masa. Ketidakupayaan menangi perkara ini pada masa akan datang sudah semestinya mengancam kestabilan dan keselamatan negara.

* **Pencemaran Alam Sekitar.** Pertalian di antara alam sekitar dengan keselamatan adalah amat jelas sekarang. Pada Persidangan Stockholm (1988), penekanan terhadap alam sekitar dan keselamatan ini, telah dirumuskan antara lain yang, seperti berikut :

"So far, most of these statements of interconnection between environmental destruction and security are hypothetical. There is thus a need for sound empirical research to fount weather these hypotheses are valid or should be scrapped as only apparent truths".

(Shaukat Hassan. 1991: 5).

Di Malaysia, keadaan-keadaan pencemaran alam sekitar belum lagi begitu serius sehingga mengancam Keselamatan Negara, tetapi kesan jangka panjang amat menakutkan sekiranya ia tidak dibendung pada peringkat awal ini. Pencemaran alam sekitar memang telah diakui dan dibuktikan mengancam Keselamatan Negara seperti di Russia dan di beberapa negara-negara Asia seperti Bangladesh dan Pakistan. Bentuk-bentuk pencemaran alam sekitar di Malaysia yang boleh menggugat keselamatan negara adalah seperti berikut:

• **Pencemaran Perairan Pantai.** Jabatan Alam Sekitar (JAS), telah memberi amaran bahawa kehidupan laut, hutan bakau dan batu karang yang merupakan tiga aspek utama penghasilan biologi laut kini menghadapi ancaman kepupusan. Persisiran pantai, khususnya di Pantai Barat menjadi tumpuan

projek-projek pembangunan terdedah kepada bahan-bahan buangan dan tercemar yang disalirkan keluar di sepanjang pantai. Ini ditambahkan pula dengan tumpahan-tumpahan minyak dari kapal-kapal dan jentera laut yang lain yang memburukkan lagi keadaan perairan pantai Malaysia. Pencemaran ini akan mendatangkan kesan yang serius kepada industri perikanan dan menggugat pendapatan nelayan yang berjumlah lebih kurang 150,000 orang.

- **Masalah Pencemaran Udara.** Sudah menjadi lumrah bagi negara yang sedang membangun berhadapan dengan permasalahan udara yang tercemar. Kualiti udara negara kita sekarang diancam oleh pelbagai unsur pencemaran dari kilang-kilang yang mengeluarkan gas dan asap beracun. Kenderaan-kenderaan berjentera pula mengotorkan udara dengan menyumbangkan kira-kira 99 peratus karbon monoksida, 97 peratus hidrokarbon, 90 peratus asap hitam dan 75 peratus nitrogen oksida. Kandungan pencemaran ini telah meningkat kepada 423 bahagian per bilion (ppb), iaitu satu kali ganda dari paras minimum yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). (Utusan Malaysia, 9 Ogos 1994).

- **Masalah Bahan Buangan Kimia Toksid.** Penyelidikan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada tahun 1985 merumuskan bahawa

sektor perindustrian merupakan penyumbang terbesar hasil buangan toksid. Dianggarkan sebanyak 220,000 kubik meter toksid telah dihasilkan daripada 31 jenis perindustrian yang terletak di Pantai Barat Malaysia. Biarpun kemajuan dalam industri kimia membawa banyak faedah kepada masyarakat, namun kesan sampingannya sangat berbahaya. Beberapa peristiwa mendedahkan keburukan bahan buangan ini dan kesimpulannya bawanya '*kehidupan yang lebih baik menerusi penggunaan bahan kimia sebenarnya turut mendatangkan banyak kesan keburukan*' (Sandra Postel. 1984: 49).

- * **Masalah Penebangan Hutan.** Penebangan hutan, pembalakan yang berleluasa, pembukaan ladang-ladang dan pembinaan empangan telah mempengaruhi struktur penempatan semulajadi penduduk dan mengancam hidupan liar. Hutan adalah satu aset yang paling penting di dalam ekologi semulajadi. Peranannya termasuklah mengekalkan kelembapan, menghasilkan humus dan bahan organik lain; mengekalkan rangkaian hidupan spesis-spesis dan tumbuhan yang penting lagi berharga. Kesan-kesan dari penebangan hutan ini termasuklah kehilangan kesuburan tanah, meningkatkan penyejatan air dalam tanah, mengurangkan hujan, kepupusan hidupan liar dan pencemaran udara sekeliling (disebabkan kurangnya penghasilan oksigen oleh proses fotosintesis daripada pokok-pokok).

- * **Masalah Penipisan Lapisan Ozon.** Ekoran dari pencemaran udara telah menyebabkan berlakunya penipisan ozon.

Kajian menyatakan bahawa Chloroflouro Carbon (CFC) yang biasanya digunakan dalam alat pendingin udara dan peti sejuk adalah penyebab utama kemasuhan ozon. Apa yang membimbangkan adalah penurunan ketahanan ozon dalam menyerap pancaran 'ultra violet' daripada matahari akan menyebabkan penyakit barah kulit, kelemahan sistem ketahanan badan serta memusnahkan tanaman (J. T Mathews. 1993: 162).

*** Masalah Ancaman Perubahan Cuaca dan Suhu.** Kehangatan cuaca dunia (*global warming*) merupakan malapetaka alam sekitar dalam bentuk baru yang berkemungkinan akan menghancurkan setiap ekosistem semulajadi. Ancaman perubahan cuaca berpunca daripada pertambahan perlepasan karbon dioksida dan gas rumah tanaman (*Green Gas House*) yang mengawal haba dalam atmosfera rendah, menyebabkan suhu meningkat. Menurut James Hansen, seorang ahli sains NASA, kini 99 peratus peningkatan suhu berpunca daripada kesan rumah tanaman. Peningkatan suhu dianggarkan kepada 2.5 darjah Celcius sejak tahun 1990 hingga tahun 2000.

Extremis Agama dan Golongan

Pelampau. Sebagaimana negara-negara lain, negara kita tidak terkecuali daripada menghadapi pelbagai masalah berkaitan dengan aspek ini. Kewujudannya berkait rapat dengan isu ekonomi, sosial, politik dan keagamaan. Aspek keagamaan adalah yang paling sensitif dan golongan ini menggunakan untuk menggugat ketenteraman dan kestabilan masyarakat umum terutama pertubuhan-pertubuhan yang bertentangan dengan peraturan dan undang-undang seperti Al Arqam, yang diharamkan oleh kerajaan pada 27 Ogos

1994 (New Straits Times. 27 Ogos 1994), dan golongan-golongan pengikut syiah yang dikesan melaksanakan aktiviti memesongkan akidah umat Islam di Malaysia. Pelbagai ajaran yang bertentangan telah mengakibatkan mereka terpedaya dan meluahkan pelbagai perasaan tidak puas hati seterusnya bangkit menentang dasar-dasar kerajaan.

Pendatang Haram/Tanpa Izin. Kemasukan pendatang haram tanpa kawalan telah menyebabkan negara menghadapi pelbagai masalah sosial dan psikologi. Peningkatan kadar jenayah oleh kumpulan ini misalnya, secara tidak langsung memberi kesan kepada penduduk tempatan terutama dari aspek ekonomi. Pada umumnya, pendatang-pendatang ini 'buta' dan tidak faham tentang nilai-nilai murni masyarakat negara ini. Ini telah menyebabkan penduduk tempatan merasa tercabar dengan perilaku dan sikap kurang ajar yang ditunjukkan oleh sebahagian pendatang-pendatang ini yang terbawabawa dengan kebudayaan mereka.



- Kehadiran Pendatang Tanpa Izin telah menimbulkan pelbagai masalah sosial dan kadar jenayah bertambah

ANCAMAN LUARAN NEGARA

Kawasan Geostrategik. Faktor kedudukan

Malaysia yang strategik, sentiasa menjadi rebutan dan terdedah kepada ancaman luar. Ini disebabkan rantau Asia Tenggara yang kaya dengan sumber-sumber alam semulajadi menjadi tarikan kuasa-kuasa besar untuk campurtangan, dan mempengaruhi mereka untuk menjalin hubungan dalam semua bidang terutamanya perdagangan. Malaysia adalah sebuah negara yang unik dan berkepentingan dari segi geografi, dengan kawasan perairan yang terbentang luas di antara Semenanjung Malaysia/Indonesia (Selat Melaka) dan Semenanjung Malaysia dengan Sabah/Sarawak (Laut China Selatan). Ini menjadi tarikan kepada negara-negara besar tersebut.

Fenomena ini secara tidak langsung mendorong Malaysia supaya mempunyai sistem pertahanan yang efektif bagi menghadapi pelbagai bentuk ancaman dalam usaha menentukan kawasan-kawasan tersebut sentiasa berada di dalam keadaan yang selamat dan terpelihara. Yang pasti kepentingan ekonomi Malaysia di dalam lingkungan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) perlu dipertahankan kerana ia kaya dengan sumber-sumber petroleum, gas asli dan perikanan (INTAN. 1991: 824).

Tuntutan Bertindih. Ekoran dari keputusan Pra-Konvensyen Undang-undang Laut (KUUL) yang telah menetapkan keluasan EEZ adalah dalam lingkungan 200 batu nautika dari pantai menyebabkan timbulnya perselisihan pendapat berkaitan dengan sempadan maritim masing-masing. Ini secara tidak langsung telah menyebabkan Malaysia terlibat sama dalam kancang pergolakan perebutan hak masing-masing di Kepulauan Spratly yang turut membabitkan China, Taiwan, Vietnam, Filipina, Indonesia dan Brunei. Di samping itu juga, perebutan Pulau Sipadan dan Ligitan di antara Malaysia-Indonesia sehingga ke saat ini masih menemui jalan buntu. Ini telah menyebabkan kedua-dua pemimpin negara terlibat menyerahkan perkara ini ke *'International Court of Justice (ICJ)'*. Walaupun ada keutuhan dan semangat kerjasama yang intim di peringkat ASEAN, pergolakan ini

sedikit sebanyak menggugat hubungan baik di antara mana-mana negara yang terlibat.

Permasalahan Sempadan Bersama.

Aktiviti-aktiviti haram seperti penyeludupan, laluan/tempat kemasukan pendatang haram dan pencerobohan yang berlaku di persekitaran sempadan bersama telah menyebabkan timbul kecurigaan dan syak wasangka di kalangan negara-negara terlibat seperti yang terjadi di sempadan bersama Malaysia/Thailand, Malaysia/Indonesia dan Malaysia/Singapura. Ini dengan tidak disedari telah mencabuli kedaulatan sesebuah negara.

PROSPEK DAN CABARAN KESELAMATAN NEGARA

Era perang dingin yang melibatkan dua kuasa besar iaitu Amerika Syarikat dan Soviet Union merupakan suatu tempoh waktu yang telah memperlihatkan satu keadaan di mana negara-negara Asia Tenggara menjadi '*proxy*' dan pentas arena percaturan melibatkan kuasa-kuasa tersebut. Dalam era pasca Perang Dingin (berikutan keruntuhan Soviet Union dan pengurangan perbelanjaan Amerika Syarikat dari segi ketenteraan) ini memberi peluang kepada negara-negara lain untuk mengisi kekosongan yang telah ditinggalkan oleh Soviet Union. Persaingan untuk meningkatkan kekuatan dan pengaruh militari serta menambah kelengkapan ketenteraan antara negara-negara di Asia Tenggara telah bertambah hebat walaupun Perang Dingin telah berakhir.

Hampir semua negara di rantau ini telah memberi tumpuan yang lebih terhadap soal keselamatan masing-masing dan ini juga melibatkan aspek pertahanan seperti pembelian senjata-senjata yang lebih canggih dan moden, pembesaran angkatan tentera dan pengwujudan semula struktur ketenteraan yang secara tidak langsung menjurus ke arah pertelingkahan dan seterusnya kepada perperangan.

Walau bagaimanapun, sebaik sahaja berakhirnya Perang Dingin perubahan telah berlaku terhadap perkembangan ekonomi dan politik di peringkat global. Malaysia juga tidak terkecuali turut mengalami impak ekoran perubahan yang mendadak ini. Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Mahathir telah mengisyiharkan pada tahun 1990 bahawa Malaysia akan menjadi sebuah negara maju setanding dengan negara-negara Barat menjelang tahun 2020 melalui Wawasan 2020.

Berasaskan kepada impian wawasan ini, negara telah berusaha sebaik mungkin meningkatkan perkembangan ekonomi dan menjaga kestabilan politiknya agar harapan ini menjadi kenyataan dan dapat dinikmati oleh semua golongan masyarakat Malaysia pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, disebalik langkah-langkah mempergiatkan perancangan peningkatan ekonomi, Malaysia tidak dapat menghindarkan diri daripada pelbagai masalah dan cabaran yang perlu di atasi agar ia tidak menjadi onak dan duri di dalam mengejar cita-citanya. Diantara prospek dan cabaran yang harus ditempuhi adalah seperti berikut:

* Perpaduan Kebangsaan.

Keselamatan terletak kepada kebolehan negara mempertahankan perpaduan masyarakatnya. Negara tidak akan stabil andainya terdapat fenomena dan gejala-gejala yang boleh menggugat integrasi nasional. Usaha-usaha untuk membentuk satu identiti nasional di kalangan masyarakat Malaysia adalah satu pendekatan yang harus disanjung tinggi kerana ia secara tidak langsung akan menjamin keutuhan dan kedaulatan negara.

* Fundamentalis Islam.

Kebangkitan semula Islam di negara ini banyak dicetuskan oleh pergerakan

Dakwah Islamiah seperti ABIM, Darul Arqam, Jamaat Tabligh dan pertubuhan-pertubuhan lain. Mereka ini telah membentuk satu gerakan menyeluruh kearah '*re-eduction of Islam*' dan seterusnya mengajak umat Islam di negara ini menjadikan Islam sebagai '*way of life*'. Kebangkitan ini telah mengubah struktur sosial, ekonomi dan politik rakyat negara ini khususnya masyarakat peribumi (bangsa Melayu).

* Kerjasama Pertahanan

Serantau: Jalinan kerjasama yang diwujudkan melalui program Pakatan Pertahanan Lima Negara (FPDA) sedikit sebanyak telah mendatangkan faedah kepada Malaysia. Ini meliputi semua aspek berkaitan dengan pertahanan negara masing-masing dari segi latihan, taktik, teknikal dan juga doktrin. Di samping itu, penglibatan aktif Malaysia dalam ASEAN telah mempengaruhi pandangan masyarakat dunia walaupun pada dasarnya penubuhan ASEAN adalah lebih banyak tertumpu kepada kerjasama ekonomi dan politik.



● Bersatu hati dalam hubungan pertahanan di kalangan pucuk pimpinan tentera FPDA - Gambar Hiasan

* **Reformasi Dasar Pertahanan.** Sejajar dengan objektif dan matlamat pemimpin negara dalam Wawasan 2020, aspek pertahanan negara perlu diseimbangkan dengan perkembangan ekonomi yang meningkat dengan begitu pesat sekali. Dasar pertahanan dalam era abad ke-21 digubal berlandaskan kepada matlamat negara untuk menjadi salah sebuah negara maju. Justeru, pmodenan telah pun dibuat ke atas struktur ketenteraan negara dengan menitikberatkan kepada peningkatan teknologi dan penggunaan senjata yang lebih canggih.

* **Dasar Luar Negara.** Berdasarkan kepada negara yang mengamalkan sistem demokrasi berperlembagaan, Malaysia disimpulkan sebagai '*dipandu oleh prinsip-prinsip persefakatan dan kerjasama antarabangsa dengan berlandaskan kepada semangat ingin berada dalam kebebasan, pengecualian dan keamanan dunia*'. Selaras dengan gagasan yang mementingkan perpaduan dan integrasi nasional, Malaysia juga ingin memupuk semangat perpaduan dan setiakawan di peringkat antarabangsa (INTAN. 1991: 809). Di antara cabaran-cabaran utama negara di dalam aspek Dasar Luar adalah:

- **Intra ASEAN.** Malaysia lebih mementingkan kepada pengukuhan ASEAN. Andainya kestabilan ASEAN tergugat, secara tidak langsung memberi kesan yang negatif kepada negara ini. Ini jelas dengan peranan yang dimainkan oleh Malaysia untuk menjadikan Asia Tenggara sebagai satu zon yang aman, bebas dan berkecuali (ZOPFAN) daripada pengaruh-pengaruh luar. Kewujudan ASEAN

telah meningkatkan struktur kerjasama sosial dan ekonomi yang menyeluruh tanpa sekat dan dapat menghasilkan keuntungan kepada ASEAN amnya dan kepada Malaysia khasnya.

• **Kesatuan Negara-Negara Islam (OIC).** Memandangkan penyertaan Malaysia dalam OIC dianggap penting, kekuuhan kedudukan negara di pertubuhan ini perlulah sentiasa dipelihara dan dijaga dengan baik. Di samping mengeratkan kerjasama politik, tumpuan kepada negara-negara Islam juga dapat membantu Malaysia meluaskan pemasaran barang perdagangan ke pasaran negara-negara Islam terutamanya negara-negara Arab.

• **Negara-Negara Berkecuali (NAM).** Dasar NAM adalah sejarah dengan pendirian Malaysia. Apa yang membanggakan adalah di dalam sidang NAM di Balgrade, Malaysia telah dilantik menganggotai kumpulan 16 iaitu satu kumpulan elit yang ditugaskan untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan kerjasama politik dan ekonomi negara-negara anggota NAM. Ini menunjukkan kepercayaan negara-negara anggota NAM akan kebolehan Malaysia menangani hal ehwal antarabangsa.

• **Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).** Peranan yang dimainkan Malaysia di dalam pertubuhan ini telah membuka mata

negara-negara di dunia. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun (Dunia Ketiga), pemimpin Malaysia begitu lantang menyuarakan pendapat dan pandangan-pandangan yang bernalas dalam usaha menangani isu-isu permasalahan antarabangsa. Ini secara tidak langsung memperlihatkan kepada dunia akan kewibawaan dan kredibiliti Malaysia di pentas antarabangsa.

* **Tampuk Kepimpinan Negara.** Persoalan sekarang siapakah yang bakal pengganti Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad? Adakah Timbalannya, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim atau siapa? Sejauh manakah bakal pengganti ini dapat mewarisi perjuangan yang telah dimainkan oleh Perdana Menteri sekarang? Mengikut tradisi UMNO, Dato' Seri Anwar Ibrahim yang akan mengambil alih pucuk pimpinan kerajaan selepas era Dr. Mahathir.

KESIMPULAN

Malaysia merupakan salah sebuah negara dunia ketiga yang berpotensi besar menjadi sebuah negara maju dan memiliki teknologi tinggi seperti mana yang diidam-idamkan oleh pucuk pimpinan negara dan rakyat jelata. Menjelang era abad ke-20an dan seterusnya, penumpuan yang diberikan oleh kerajaan adalah kepada perkembangan pembangunan sektor ekonominya. Perubahan ini telah menyebabkan timbulnya kancalah-kancalah perlumbaan projek-projek raksasa perindustrian dan infrastruktur yang lain.

Impian Wawasan 2020 yang begitu lantang diperkatakan, tidak pula membuatkan kerajaan lupa

akan aspek dan ciri-ciri keselamatan yang menjadi teras dan tulang belakang kepada pembangunan dan kemajuan negara. Justeru, dalam menentukan apa yang dicita-citakan terlaksana tanpa sebarang permasalahan dan rintangan, penelitian dan penekanan yang utama adalah keselamatan. Ini adalah kerana sekiranya nilai-nilai tersebut terancam, secara tidak langsung negara dengan sendirinya turut terancam sama.

Walau bagaimanapun, Malaysia mempunyai kredibiliti dan susunan struktur keselamatan yang kukuh dan bersepada. Ini jelas dilihat akan keprihatinan kerajaan dalam menentukan keselamatan dengan mengadakan organisasi keselamatan di semua peringkat baik di peringkat tertinggi sehingga di peringkat kampung-kampung. Di samping itu juga, dengan bersandarkan kepada pasukan keselamatan yang taat setia, berdisiplin, terlatih, kuat semangat dan diperlengkap dengan pelbagai senjata moden dan canggih, benteng pertahanan negara terbentuk bagi menangkis sebarang bentuk ancaman baik dalam maupun luaran.

Dalam usaha meningkatkan pembangunan dan kemajuan secara menyeluruh demi kepentingan dan masa depan rakyatnya, Malaysia begitu optimis menghindarkan diri daripada sebarang kemungkinan timbulnya petanda-petanda yang boleh menjurus kearah ketidakstabilan politik dan keselamatan negara. Apa yang penting adalah menanamkan semangat di jiwa raga semua rakyat agar bersama-sama menjaga/mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara. Dengan sebuah kerajaan yang stabil, kukuh, kuat dan mendaulatkan prinsip-prinsip pemerintahan yang berasaskan undang-undang, disamping jentera-jentera pentadbiran yang mampan dan berkeupayaan, tidak mungkin negara gagal menangani sebarang bentuk cabaran pembangunan dan keselamatan negara. Walaupun prospek dan cabaran keselamatan negara menjelang abad ke-21 begitu membimbangkan dan merunsingkan pelbagai pihak, negara kita berkemampuan menangkis sebarang bentuk rintangan yang boleh menggugat keselamatan negara dari ancaman dalam maupun luaran.

BIBLIOGRAFI

YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. *Petikan Ucapan di Persidangan Kebangsaan Pertama ISIS* pada 14 Julai 1986.

Banhat Korany. 1986. *Strategic Studies and the Third World: A Critical Evaluation*. International Social Science Journal. No 110.

Barry Buzan. 1983. *People, States and Fear: The National Security Problem in International Relations*. Sussex Wheatsheaf Books Limited.

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). 1991. *Malaysia Kita*. Kuala Lumpur. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Muthiah Alagappa, 1987. *The National Security of Developing Country*. Kuala Lumpur. ISIS Malaysia.

Abdul Mohem Al-Mashat. 1985. *National Security in the Third World*. London. Westview Press.

K. Das dan Suaran. 1989. *The White Paper on the October Affair: The Why Paper?* Kuala Lumpur. Suram Komunikasi.

Jay M. Shafritz. 1989. *Dictionary of Military Science*. New York. Oxford University.

Jurnal Foreign Affairs. 1993. *Jessica Tuchman Mathews: Redefining Security*. Vol 46.

Akhbar Utusan Malaysia bertarikh 9 Ogos 1994.

Akhbar New Straits Times bertarikh 27 Ogos 1994.



Kapt Rosmin bin Muhammed dari Kor Risik Diraja, kini bertugas sebagai PS 3 Risik (Rejimental/AW) di Cawangan Perisikan, Markas TD. Sebelum bertukar ke Kor Risik Diraja pada tahun 1994, beliau ditauliahkan ke dalam Kor RAMD pada tahun 1985 dan ditugaskan di Batalion Ke-21 RAMD sehingga tahun 1990 dan seterusnya ditumpangkan ke pasukan Risik (92 ATCK) mulai Disember 1991. Beliau adalah pemegang Diploma Pengajian Strategik Dan Keselamatan dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1997.

AN OVERVIEW OF MANAGEMENT

Kol Mohd Ariffin bin Che' Mat Din

This article has been condensed, reproduced, and reviewed from various books and periodicals. Acknowledgments are in order, because most of the ideas are not mine. Though not copy-cited, it is rewritten the way I feel, and the way I understand the subject. It is written for your reading pleasure, merely for information.

A SUMMARY

What management is all about, is to analyse the present and *anticipate the relevant environment* in the larger context, reflect this in an *up-to-date strategy* and a supporting concept of *how to compete* (i.e. win the many battles in various battlefronts) using an organisation (i.e. *structure*¹) suitable for the chosen strategy and battle plan. See Fig 1. The arrows indicate the environment, strategy and structure influencing each other.

The summary gives an overview. Read it carefully several times and reflect on it. Embodied in it are numerous other ideas. We will refer to this summary, from time to time, as we read on. In my view, the summary says it all. The rest of the article are simply elaborations of the summary.

THE REAL BOTTOM LINE

It is a matter of personal conviction that impels me to begin the elaboration of the summary by discussing




Fig 1 : Basic Framework

All these, however, must be done using the *best available theories about human nature* and the *physical universe* as developed over the years and embodied in available technology, both software and hardware. These theories are about *Know-how* (effective ways of doing things or doing things right) and *Know-why* (a sense of purpose, a guiding philosophy of doing the right things).

what I consider the real bottom line of an organisation. It is not the surplus of income over expenses. Neither is it the net profit nor the return on investment. In my view, without saying that profit is unimportant, *the real bottom line is what happened to the human beings in the organisation* (discussed here) and the human beings the organisation sought to serve *in the larger society* (discussed next).

In the summary, I referred to the organisation as an organism with a life of its own, which seeks to

¹ Structure refers to an organism with capabilities.

be useful by means of a strategy as it exists in the dynamic environment (See Fig 1). Why should the real bottom line be about human beings? I have

attempted to summarise this view by showing a conceptual framework of industrialisation and human development at Fig 2.




Fig 2 : Conceptual Framework and Human Development
Source : Soriano; *Business Policy in Asian Context*

In every society there are thousands of organisations (or organisms) that use inputs and convert them into outputs useful to people they serve (Component 2 Fig 2). In Component 1, is a statement central to the bottom-line, i.e. "Man is the purpose of development, and man is the main resource of development". For a human being in an organisation to develop, they must experience **personal growth** and **professional growth**. Personal growth has to do with needs, awareness, introspection, reflection and interaction skills. Professional growth (breadth of knowledge, focus or specialisation, flexibility to solve problems, continuing education) has to do with a person's becoming a useful citizen:

Growth will happen if the best know-how and the best know-why are the basis of the organisational culture. Growth will take place if the workplace and the environment, as well as the design of work itself (Component 3) are conducive to growth. Growth will also take place if the career structure, the reward system and the training programs enhance growth (Component 4). Hence, Components 3 and 4 will be conducive to and will enhance growth depending on **the values and assumptions used about the real world** (Component 5). This is the point I stressed in the second paragraph of the summary. Developing a humanistic value

system and a valid set of assumptions about the real world is what studying and experiencing life is all about. All these must be considered in the formation of a person.

In my view, an organisation that makes a net profit at the expense of the growth of its members has failed. This is not to say that financial profit is unimportant. A profitable organisation is good because the organisation would have the resources to promote even richer human development goals.

THE LARGER CONTEXT OF MANAGEMENT

As mentioned, an organisation should have a positive impact on the people it seeks to serve in a larger society. In other words, every organisation should make a contribution towards the creation of an effective society in the relevant environment within which it exists and serves.

What is an effective society? Fig 3 presents a way of thinking about an effective or healthy society. The framework underscores three key aspects, i.e. social, political and economic.




Fig 3 : Framework of an Effective Society
Source : Reference Material Command and Staff College, Quinscliff, Australia

From the social standpoint, a society is sick if conflicts and oppressions exist - if one group feels oppressed by another; if one group is in violent conflict with the other; and conflict is resolved through violence.

From the political standpoint, a society is sick if power is concentrated among a few - if power is used to influence the flow of resources to benefit a few; and if the exercise of power is illegitimate.

From the economic standpoint, a society is sick if natural resources are used without regard for the needs of future generations of human beings - when it is completely dependent on other societies for technology; when population remains illiterate and undeveloped; and when its citizens and foreigners are reluctant to invest in the economy. The society would indeed be very sick economically if its own citizens instead of investing at home, prefer to invest abroad.

Thus, the mission of management, in a larger context, is to see to it that their organisation's strategy does contribute towards the development of an effective society. This is the *larger context* stated in the summary.

Having seen that we shall now focus on Fig 1 of the summary and discuss the components of environment, strategy and structure.

WHAT IS ENVIRONMENT?

There are many ways of thinking about the environment.

Fig 4 is one way. The environment has dynamic features : changing, hostile, competitive, uncertain but full of opportunities. The environment has many components, e.g. economic, social etc etc.




Fig 4 : The Environment
Source : Soriano; *Business Policy in the Asian Context*

Each component has variables (e.g. price as in economics). Some of these variables are controllable, others are uncontrollable. Some are predictable, others are not. Managers should focus (essence of a risk analysis) on the controllable and predictable variables and not make allowances for those that are not. The environment has a time horizon : past, present and the desired future.

Fig 5 is yet another way of thinking about the environment. This is quite suitable for government institutions. Here I distinguish the *authorising environment* and the *enabling environment*. The enablers give the legal basis for institutions to perform and implement their strategies. The authorisers refer to the clamour, needs, requests, demands of various sectors.

Fig 6 is still another way. This is also applicable to both public and private organisations




Fig 5 : The Environment

Source : Peter Drucker

in their formulation of strategy. In Fig 6, we distinguish the *internal environment* (strength and weaknesses of the organisation: personal values of the key implementors) and the *external environment* (opportunities and threats in the industry: broad societal expectations). The arrows mean that these aspects have to be matched for consistency.




Fig 6 : The Context in which Management Strategy
for Human Development evolves
Source : Adopted from Michael Porter

All these foregoing ways of viewing the environments are useful to anticipate the environment, the main concern being identifying threats and opportunities for the organisation. The following are key propositions :

- * The environment has a social, economic, political, cultural, technological and ideological components.
- * Each component has variables (economic : price, GNP etc.; social : population)
- * Some variables are controllable or predictable, others are not. Control of the environment depends on the organisation's relative power.
- * The environment has a number of dynamic features which is changing. It can be hostile, competitive or uncertain, but full of opportunities.
- * The environment has a time horizon. Each organisation has its own planning time horizon which determines its planning cycle. There is a geographical dimension to the environment.

All these are relevant in assessing opportunities and threats.

WHAT IS STRATEGY?

Strategy is synonymous with the concept of a plan. In its broadest sense, a good strategy is the organisation's way of relating effectively with the environment. It is a concept of how to contribute to public welfare, to public service, to human development. It is making the organisation useful and responsive to society and the people.

Michael Porter made a useful distinction between *organisational strategy* and *competitive strategy*. The former refers to the priority allocation of the organisation's resources, and the latter, to winning in a competitive situation or,

in military parlance, winning the battles that may be fought in different fronts. Porter also gave another way of looking at strategy. See Fig 7. He said, an organisation can compete mainly on the basis of having the *lowest cost*, or on the basis of having something no other organisation has, i.e. *differentiation*, or it can compete by being the strongest in a well-defined *niche*. Of course, a competitive strategy that combines all three is a superior strategy.

In brief, strategy has to do with two main concerns, namely allocation of resources, and making sure the organisation succeeds despite competition or obstacles.

There are four characteristics of an appropriate strategy. They are *internal consistency*, *good environmental fit*, *good resources fit*, and *adequate communication and implementation*. A strategy that measures up to these desirable characteristics will, in effect have an appropriate *service or market orientation*, an appropriate sense of *direction*, *beneficial side effects* and *distinctive competence*.

WHAT IS STRUCTURE?

The main point is *structure is determined by strategy*. However sometimes structure determines the strategy.



Fig 7 : Generic Strategies
Source : Michael Porter




Fig 8 : The Organisation Source : Tom Peters

An organisation is a *group of human beings working together for a common purpose*. The *anatomy* of an organisation may be diagrammed as in Fig 8. Organisations may look different as in Fig 9, but they have all the same anatomy. Although degrees of effectiveness vary, organisations must have all capabilities as in Fig 8. They have the capability to *divide work* and the capability to *coordinate divided work*. These capabilities are enhanced by an appropriate *pattern of relationships* among persons and groups; an effective *control system* of monitoring what is going on and reviewing results, an appropriate *leadership style*, and an appropriate *reward and career system*.

What is a Visionary Organisation? This is best explained in Fig 10.


All great organisations have a set of core values and beliefs. This originally came from its founder, but over the years it is enriched by incoming generations of employees and leaders. These core values are the *genes of the organisation* and determines how an *organisation evolves over time*. They remain unchanged for decades, even centuries, and give rise to a sense of purpose, a guiding philosophy, i.e. *the soul of the organisation*.

All great organisations have good genes that drive them forward despite all odds.

When an organisation scans the environment, a mission is chosen that conforms to the guiding philosophy. The environment changes periodically, hence the mission also changes. However, the guiding philosophy usually remains the same. For example Motorola for years used "world leader in mobile communications". Having achieved that Motorola shifted to "we make the impossible possible".

The *degree of effectiveness* of an organism is *dependent* on the *values and assumptions about the real world* used by the organisation in its policies and SOPs. This is what I am referring to in the second paragraph of the summary, and in Component 5 of Fig 2.

The quest for the correct values and the best theories is life-long and never-ending. It is useful at this time to ponder why some organisations have disappeared or are disappearing (League of Nations, Rosa Mistica), while others (Matsushita Corporation, San Miguel, Coca Cola) have lived on for decades. Does it have something to do with the correct use of values, and sound theories about human nature and the physical universe? It most certainly does.



Note : From a teaching note of
Dr. Gaston D. Ortigas

Fig 9




Fig 10 : Organisational Vision

Source : Collins and Porras

The Empowered Organisation.

The traditional organisation structure is shown in Fig 9. Authority and responsibility flows from top to bottom. If leaders adopt a participative style, what the top and bottom do is the result of a two-way consultation. To many practitioners, this would be the ideal set-up.

There is however a superior organisation :

the empowered organisation.

Look one more time at the traditional structure. Imagine it is horizontal instead of vertical. Turn it around 180 degrees so it looks like the polish set-up in Fig 9. For convenience, it is reproduced in Fig 11.

In Fig 11, the head-office (HO) still has final authority on everything and is assisted by sub-HOs




Fig 11 : The Empowered Organisation

Source : Collins and Porras

1, 2 and 3. However through a process of devolution, business units A, B, C, D, E, F, G, H and I have been given full authority to decide on *everything* and to *commit* the organisation with *finality* within the context of the market it serves. The HOs become support group to the business units and conducts periodically, a review of the operations of the business unit to determine how well it has used its freedom and its resources. This in brief is the empowered organisation.

For those who are familiar with Motorola,

Random House, Asea Brown Boveri or General Electric, these ideas will be familiar. For more insights, I would recommend *Liberation Management* by Tom Peters, published in 1992.

THE PLANNING PROCESS

To appreciate the process of planning, we need a framework for planning. A framework is like a map, one must follow the milestones to get from where you are to where you want to go. Fig 12 suggests the framework of planning.




Fig 12 : Framework of Planning
Source : Mintzberg

The framework suggests that an environmental analysis will result in the identification of opportunities for an organisation to exploit. The analysis of resources results in the assessment of capabilities. The analysis of values reveals what is important and what is not. Matching

is the process of screening all the opportunities. Strategy is the set of opportunities that pass the screening test. The organisation is designed based on the strategy.

Fig 13 shows another variation. This is called 7 Dos, and is self explanatory.




Fig 13 : 7 DO's Framework
Source : Dean Jesus Gallegos, Jr

There are three main stages in planning, namely goal setting, policy and programmes formulation, and action planning. See Fig 14.

Stage 1 Where are we? Where do we go? Why?	Stage 2 How do we get there?	Stage 3 What do we do?
Goals	Policies and programmes (competitive strategy)	Projects and Budgets (action planning)

Fig 14 : Stages of Planning

Going through these stages involves a key question. Do human beings prefer to be told what to do, or do they prefer to participate in deciding what is to be done? Some believe that human beings want to be directed (Theory X), others believe that they want to participate (Theory Y). Personally, I believe in the participative process. Fig 15 expresses this view where steps 1 to 10 represent decision points and where the connecting lines symbolise the consultative process involving various levels in the organisation.

There is also a planning cycle. The cycle has to do with inevitable changes in the environment.

If this is what is happening, we may say that the organisation has a healthy planning culture.

LEADERSHIP STYLE

I believe that there is no style of leadership that is best. It actually depends on the situation. Different situations warrant different styles, and we are conversant with this. Many practitioners say management is synonymous to leadership. I disagree, and Warren Bennis rightly makes a distinction. He said, "management is doing things




Fig 15 : Participative Planning Process

Source : Peter Lorange

Thus, when environment changes, the strategy has to change. When strategy changes, structure has to change. This, as mentioned earlier, is the significance of the arrows in Fig 1 of the summary.

What is the change process? We are familiar with this. Change usually involves unfreezing those that are obsolete, introducing new ways, then refreezing with a new SOP, policy or strategy. A time will come as the environment changes, when what is refrozen needs to be unfrozen. The cycle starts again.

right, leadership is doing the right things". Without going further, steering an organisation requires know-how (technical and management expertise) and know-why (vision, values and a guiding philosophy). The ideal leader should have both. However, these only evolves as a person and the organisation becomes mature. Fig 16 indicates what happen as an organisation becomes better in know-how and know-why. A leader steeped in know-how is like a gun for hire. A leader who has both is an ideal leader.




Fig 16 : The Know-how and Know-why Continuum

Source : Warren Bennis

SUMMARY

I end as I began.

What is management? The entire article and your reflections on what has been said is what management is all about.

A manager is one who can *assess the present and anticipate the relevant environment*,

reflect it in an up-to-date strategy and a supporting concept of how to compete, using an organisation suitable for the chosen strategy and battle plan.

The manager does this by using the *best available theories about the human nature* and the *physical universe* as developed by researchers and practitioners over the years, and as embodied in the available technology, both hardware and software.



A graduate of the Asian Institute of Management (AIM), Kol Mohd. Ariffin bin Che Mat Din, is a keen writer who has contributed many articles to Sorotan Darat. His "Infantry Year 2000" won him the Best Article Award in 1990. Kol Ariffin is presently one of the Directing Staffs in the Masters Programme at the Institute of Management, Port Dickson. He also lectures, on a part time basis, on Strategic Management at the Malaysian Institute of Management's Diploma and Masters Program.

PENGUKURAN KADAR KEUPAYAAN ANGKATAN TENTERA (KKAT)

Mej Norazman bin Mohamad Nor

PENDAHULUAN

Kita sering mendengar laporan tentang kadar inflasi, kadar jenayah, kadar pertumbuhan ekonomi dan lain-lain bentuk pengukuran yang dapat menentukan peningkatan atau penurunan sesuatu kadar yang melambangkan perubahan kepada prestasi atau keberkesanan sesuatu organisasi. Kaedah pengukuran sebegini boleh dijadikan asas bagi menentukan matlamat sesebuah organisasi dan segala usaha yang dijalankan di dalam organisasi berkenaan hendaklah bertujuan mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

Sejak tahun 1983, Tentera Darat telah berusaha untuk menentukan kaedah pengukuran keupayaan bagi formasi-formasi di bawah naungannya. Pada masa ini satu kaedah pengukuran keupayaan formasi telah diterima pakai. Melalui pengukuran yang dibuat dapatlah dikenalpasti kelemahan-kelemahan yang wujud di dalam sesebuah formasi bagi merancang dan membantu untuk mengatasi segala kekurangan yang dikesan.

Adalah diakui bahawa pertahanan negara bergantung kepada keupayaan ketiga-tiga perkhidmatan; Darat, Laut dan Udara. Dengan itu keupayaan sesebuah angkatan tentera haruslah mengambil kira keupayaan ketiga-tiga perkhidmatan berkenaan yang akan melambangkan kekuatan pertahanan negara secara keseluruhannya.

KONSEP PENGUKURAN KEUPAYAAN

Kekuatan sesebuah angkatan tentera bergantung kepada tahap keupayaan ketiga-tiga perkhidmatan; Darat, Laut dan Udara. Manakala kekuatan setiap perkhidmatan bergantung kepada formasi-formasi di bawah naungan masing-masing. Seterusnya, keupayaan formasi bergantung kepada keupayaan setiap unit di bawah perintahnya. Dengan itu, konsep pengukuran keupayaan yang dicadangkan ini mengambil kira keupayaan unit di akar umbi hierarki ATM sebagai asas yang akan menentukan keupayaan formasi dan proses ini berulang sehingga ke peringkat penentuan keupayaan ATM.

ASAS PENGUKURAN KEUPAYAAN

Kaedah pengukuran keupayaan ATM ini akan dapat memanfaatkan ATM secara langsung atau tidak langsung. Dengan cara ini dapatlah dikenalpasti setakat mana peningkatan Kadar Keupayaan Angkatan Tentera (KKAT). Seterusnya, matlamat tahunan ataupun matlamat bagi setiap Rancangan Malaysia ditetapkan dan memohon kerjasama dari setiap pihak terlibat untuk membantu ATM mencapai matlamatnya demi kepentingan negara.

Kaedah pengukuran KKAT yang dicadangkan ini adalah berdasarkan kepada kaedah pengukuran

keupayaan formasi TD yang telah wujud sekarang¹. Sebelum keupayaan ATM dapat diukur penetapan tahap keupayaan 100% hendaklah dilakukan. Dengan yang demikian, andaian tahap keupayaan 100% akan dicapai jika keperluan organisasi dan jadual peralatan semasa diisi dengan sepenuhnya. Sekiranya organisasi dan jadual peralatan semasa tidak melambangkan keupayaan 100%, maka penyusunan semula organisasi perlu dilakukan. Setiap organisasi perlu dikaji semula dalam satu tempoh tertentu tertakluk kepada pertumbuhan teknologi pertahanan dunia dan kestabilan rantau ini.

EMBOLEHUBAH KEUPAYAAN TENTERA

Sejarah telah membuktikan bahawa kekuatan tentera tidak hanya bergantung kepada sumber manusia dan persenjataan sahaja. Walaupun dua perkara ini merupakan elemen utama tetapi terdapat banyak faktor sampingan yang boleh mempengaruhi keupayaan sebuah angkatan tentera. Secara terperinci, pembolehubah keupayaan tentera di dalam suasana peperangan meliputi tiga kategori utama seperti di Jadual 1.

Dari senarai pembolehubah di atas, terdapat faktor yang boleh diperkirakan mulai sekarang dan faktor yang akan wujud ketika peperangan patut diberi. Dengan itu perhatian patut diberi terhadap faktor yang dapat mempertingkatkan keupayaan ATM di masa ini sebelum peperangan bermula. Faktor yang dimaksudkan adalah seperti di Jadual 2.

HIERARKI KEUPAYAAN ANGKATAN TENTERA

Keupayaan ATM bergantung kepada tiga perkhidmatan utama di bawahnya seperti yang ditunjukkan di Kembaran A. Manakala

1.	Persekutaran	Rupabumi Cuaca Musim
2.	Kemanusiaan	Kepimpinan Latihan Pengalaman Moral Kualiti Tenaga Manusia
3.	Operasi	Fasa tempur dan kekuahan Mobiliti Daya Musnah ('Vulnerability') Penguasaan Udara Kejutan Kelesuan ('Fatigue') Kecanggihan Persenjataan Keupayaan Logistik Perisikan Inisiatif Perintah dan Kawalan Komunikasi Momentum Masa dan Jarak Chansa 'Friction'

Jadual 1. Pembolehubah Keupayaan Tentera²

1.	Kemanusiaan	Kepimpinan Latihan Pengalaman Moral Kualiti Tenaga Manusia
2.	Operasi	Mobiliti Daya Musnah ('Vulnerability') Penguasaan Udara Kecanggihan persenjataan Keupayaan Logistik Perisikan Perintah dan Kawalan Komunikasi 'Friction'

Jadual 2. Pembolehubah Keupayaan Tentera Masa Aman

1 Kertas kerja Bahagian Inspektorat TD. 1994. *Konsep Pengukuran Keupayaan Secara Kuantitatif*. KP/TD/ITD/G/1031 bertarikh 11 Mei 94.

2 Dupuy, T. N. Col. 1987. *Understanding War: History and Theory of Combat*. Paragon House: New York.

keupayaan perkhidmatan utama ini bergantung kepada pasukan-pasukan yang berada di bawah organisasi masing-masing.

Pada peringkat ini, keupayaan Markas-Markas tertinggi di dalam ATM diambil kira bagi melambangkan keupayaan *Perintah, Kawalan dan Koordinasi* di peringkat tertinggi yang merangkumi keperluan *operasi, latihan* dan *logistik*.

HIERARKI KEUPAYAAN FORMASI

Untuk melengkapkan carta di Peringkat Perkhidmatan, setiap data diperlukan bagi formasi di bawah setiap perkhidmatan. Dengan itu kita memerlukan hierarki keupayaan formasi seperti di Kembaran B. Keupayaan formasi bergantung kepada keupayaan pasukan-pasukan yang berada di bawah formasi masing-masing.

Pada peringkat ini, faktor-faktor *perintah dan kawalan* di peringkat formasi, *komunikasi, mobiliti, perisikan* bantuan dan *pertahanan udara* dan *keupayaan logistik* diambil kira.

HIERARKI KEUPAYAAN PASUKAN

Bagi melengkapkan carta di peringkat formasi dan perkhidmatan, data diperlukan dari peringkat pasukan. Hierarki keupayaan pasukan yang diperlukan seperti di Kembaran C. Seperti mana konsep pengukuran keupayaan yang telah dibentangkan, keupayaan setiap perkhidmatan dan formasi bergantung kepada keupayaan pasukan-pasukan yang berada di bawah hierarki masing-masing.

Pada peringkat ini pula, faktor-faktor *sumber manusia* yang meliputi semua aspek *kemanusiaan* dan *kualiti manusia, persenjataan* yang meliputi *mobiliti, daya musnah* dan *'friction'* dan aspek *keupayaan logistik* di peringkat pasukan.

KAEDAH PENENTUAN PEMBERAT

Penentuan pemberat adalah satu perkara penting yang menggambarkan kepentingan atau keutamaan sesuatu kriteria atau organisasi ke atas yang lain. Dengan itu penentuan pemberat haruslah sentiasa membayangkan matlamat asal untuk menentukan keupayaan ATM secara keseluruhannya.

Melalui kaedah '*Multi Criteria Decision Making*' (*MCDM*), terdapat satu kaedah saintifik untuk menentukan pemberat secara sistematis. Kaedah ini menggunakan sistem matrik perbandingan berpasangan. Kaedah ini diterangkan secara terperinci di Kembaran D.

KAEDAH PELAKSANAAN

Perlaksanaan pengukuran KKAT ini bermula dengan pengukuran keupayaan semua pasukan-pasukan dan unit-unit di bawah hierarki formasi ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM. Pengukuran ini berpandukan kepada hierarki di Kembaran C dan asas pengukuran 100% yang telah ditetapkan. Berdasarkan kepada status sumber manusia, persenjataan dan logistik pada masa ini dapatlah diketahui peratusan keupayaan semasa unit-unit berbanding dengan tahap keperluan untuk mencapai keupayaan 100%.

Pada masa yang sama, semua markas-markas formasi akan berbincang untuk menetapkan pemberat bagi setiap organisasi di bawah hierarki masing-masing. Proses yang serupa akan dilaksanakan di peringkat ATM dan lain-lain markas tertinggi di dalam perkhidmatan untuk menetapkan pemberat bagi setiap hierarki yang terlibat. Sebaiknya penentuan pemberat pada satu-satu peringkat hendaklah dilaksanakan oleh sekumpulan pembuat keputusan yang memahami tentang keperluan perkhidmatan di peringkat berkenaan. Pembuat keputusan mestilah berfikiran terbuka dan '*neutral*' iaitu tidak '*bias*' kepada mana-

mana organisasi yang dibincangkan.

Hasil dari penentuan keupayaan di peringkat pasukan akan disalurkan melalui saluran pemerintahan masing-masing yang akan memasukkan data yang diperolehi ke dalam hierarki pemberat yang akan menentukan keupayaan formasi berkenaan (lihat contoh di Kembaran E). Seterusnya keupayaan ini akan disalurkan ke peringkat yang lebih tinggi sehingga ke peringkat perkhidmatan dan ATM dan hasilnya ialah KKAT.

KAEDAH PENGUKURAN PENINGKATAN

Peningkatan pada KKAT dapat dilihat terus dengan membandingkan KKAT pada tahun lalu dan KKAT pada tahun semasa. Contohnya, sekiranya KKAT pada tahun lalu ialah 57.4% dan KKAT pada tahun ini ialah 60% dengan ini KKAT telah meningkat 2.6% (60% - 57.4%).

Kadar peningkatannya pula dapat ditentukan dengan membahagikan jumlah peningkatan KKAT semasa dengan KKAT tahun lalu dan hasilnya didarab dengan 100, contohnya, kadar peningkatan KKAT pada tahun 1996 berbanding tahun lalu ialah:

$$\begin{aligned} \text{Jumlah peningkatan} &= 60-57.4 = 2.6\% \\ \text{KKAT tahun lalu} &= 57.4\% \\ \text{Kadar peningkatan KKAT} &= (2.6\%/57.4\%) \times 100\% = 4.5\%. \end{aligned}$$

PENENTUAN SASARAN

Dengan menggunakan kaedah ini dapatlah ditentukan sasaran tahunan ataupun sasaran jangka panjang ATM. Contohnya, penetap sasaran pada tahun 2005, KKAT haruslah mencapai tahap 80%. Secara kasarnya, sekiranya KKAT pada tahun ini berada di tahap 60%, dengan peningkatan keupayaan dengan 2% setahun sehingga tahun 2005. Dengan itu,

perancangan sistematik perlu dilakukan untuk mengoptimumkan peningkatan keupayaan dengan segala kekangan yang ada.

Dengan cara ini juga setiap perkhidmatan Darat, Laut dan Udara dengan formasi-formasi di bawahnya dapat dilihat akan kadar keupayaan masing-masing dan dapat menetapkan sasaran dan membuat perancangan untuk meningkatkan keupayaan masing-masing secara optimum.

RUMUSAN

Secara amnya bolehlah dikatakan bahawa sistem pengukuran Kadar Keupayaan Angkatan Tentera (KKAT) ini akan menjadi pengukur kesiapsiagaan ATM termasuk formasi dan semua unit-unit di bawahnya. Sistem pengukur sebegini boleh dijadikan satu kaedah untuk menetapkan sasaran tahunan dan melaporkan pencapaian tahunan bagi semua peringkat di dalam organisasi ATM.

Seterusnya, pihak pengurusan atasan akan dapat mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan kadar keupayaan sesebuah organisasi itu rendah dan akan bertindak membantu organisasi berkenaan sama ada dengan cara khidmat nasihat ataupun penyaluran bantuan sumber.

Yang lebih memanfaatkan lagi, penggunaan sistem pengukuran ini disimulasikan bagi menentukan setakat mana keupayaan akan meningkat bagi setiap perolehan yang dirancang dan keutamaan perolehan akan dapat ditetapkan berpandukan kepada sumbangan tertinggi kepada KKAT.

CADANGAN

Dicadangkan agar konsep pengukuran Kadar Keupayaan Angkatan Tentera (KKAT) ini diterima untuk diimplementasikan sebagai lanjutan kepada pengukuran keupayaan formasi TD yang telah dilaksanakan.

PENUTUP

Semoga kaedah ini akan membuka jalan kearah mewujudkan sebuah angkatan tentera yang padat dan berkeupayaan tinggi. Segala cadangan dan komen dari semua pihak amatlah dialu-alukan untuk memantapkan lagi kaedah yang dibentangkan.

Kembaran:

- A. Hierarki Keupayaan Angkatan Tentera.
- B. Hierarki Keupayaan Formasi.
- C. Hierarki Keupayaan Pasukan.
- D. Kaedah Penentuan Pemberat.
- E. Contoh Pengiraan Keupayaan Briged X.



Mejar Norazman bin Mohamad Nor telah ditauliahkan ke dalam Rejimen Askar Jurutera Diraja pada 1 November 1986 setelah memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Awam dan Matematik dari USA. Setelah berkhidmat selama 7 tahun di dalam Kor Jurutera, beliau kemudiannya melanjutkan pelajarannya ke USM melalui Skim Pengajian Tinggi ATM dan memperolehi Ijazah Sarjana Sains Penyelidikan Operasi pada tahun 1995. Beliau kini bertugas sebagai PS 2 Penyelidikan (Penyelidikan Operasi) di Pusat Sains & Teknologi Pertahanan, KEMENTAH.

"Ilmu itu lebih baik daripada harta. Ilmu menjaga engkau dan engkau menjaga harta. Ilmu itu penghukum (hakim) dan harta terhukum. Harta itu kurang apabila dibelanjakan tetapi ilmu bertambah bila dibelanjakan".


KEMBARANA

HIERARKI KEUPAYAAN ANGKATAN TENTERA

TAHAP 1:

KEUPAYAAN ANGKATAN TENTERA	

TAHAP 2:



* KRITERIA


Pemberat	Keupayaan

HIERARKI KEUPAYAAN FORMASI


TAHAP 1:

KEUPAYAAN DIVISYEN

TAHAP 2:



TAHAP 3:




* KRITERIA




Pemberat	Keupayaan
----------	-----------

HIERARKI KEUPAYAAN PASUKAN


TAHAP 1:











TAHAP 2:



TAHAP 3:




% 'Lethality'
Mobility
Vulnerability
Reliability



* faktor yang menyumbang kepada moral


TAHAP 2:

SUMBER MANUSIA



TAHAP 2:

LOJISTIK



KAEADAH PENENTUAN PEMBERAT

AM

Penentuan pemberat secara sistematis amatlah penting bagi proses pembuatan keputusan atau pengukuran yang melibatkan pelbagai kriteria. Setiap kriteria mempunyai kesan tersendiri ke atas objektif yang ditetapkan. Contohnya di dalam proses menentukan keupayaan formasi (lihat Kembaran B), kriteria-kriteria yang menyumbang kepada keupayaan sesuatu Briged TD seperti *Unit Pemerintahan dan Kawalan, Unit Tempur, Unit Bantuan Tempur dan Unit Bantuan Khidmat* mungkin mempunyai kadar keberkesanannya yang berbeza dari segi meningkatkan keupayaan formasi berkenaan. Dengan itu pembuat keputusan harus menentukan keutamaan setiap kriteria dengan menetapkan pemberat bagi setiap kriteria berkenaan.

PROSES PENENTUAN PEMBERAT

Di dalam menentukan pemberat, langkah pertama yang perlu dilakukan ialah menentukan objektif kajian seperti '**Menentukan Keupayaan Briged TD**' dan objektif ini akan menjadi tunjang sebuah hierarki. Seterusnya kita akan menyenaraikan semua kriteria yang merupakan penyumbang kepada objektif di atas dan menentukan keutamaan atau pemberat bagi setiap kriteria. Proses ini akan berulang sehingga ke tahap yang terbawah di dalam hierarki yang dibina, iaitu sehingga peringkat kriteria terakhir di Kembaran C.

Kaedah penentuan pemberat yang akan dibentangkan di sini dikenali sebagai "**Analytic Hierarchy Process**"¹ (**A.H.P.**). AHP telah digunakan secara berleluasa di seluruh dunia untuk membuat pelbagai keputusan². Andaian asas untuk proses ini ialah objektif kajian boleh dibentangkan dalam bentuk **struktur hierarki** seperti ditunjukkan di

Kembaran A, B dan C. AHP membolehkan penentuan pemberat bagi setiap kriteria bagi mencapai matlamat hierarki berkaitan dengan cara membuat set-set perbandingan berpasangan secara sistematis. Seterusnya kita akan dapat menggunakan pemberat yang dihasilkan untuk menentukan kesan setiap kriteria terhadap objektif yang ditetapkan.

Sebagai contoh kita akan membuat analisis ke atas hierarki di Kembaran B. Kembaran B mengandungi **hierarki tiga tahap**. Tahap 1 mewakili objektif utama hierarki berkenaan iaitu "**untuk menentukan keupayaan Briged TD**". Tahap 2 mengandungi kriteria-kriteria yang akan mempengaruhi objektif utama seperti Perintah & Kawalan, Unit Tempur, Bantuan Tempur dan Bantuan Khidmat. Tahap 3 pula mengandungi kriteria-kriteria yang akan mempengaruhi kriteria di Tahap 2 dan begitulah seterusnya.

Penentuan kriteria hendaklah dikaji oleh pembuat keputusan supaya tiada kriteria yang tertinggal iaitu semua organisasi yang wujud di bawah organisasi berkenaan hendaklah diambil kira kerana kewujudan mereka menunjukkan adanya keperluan di dalam meningkatkan keupayaan.

Untuk menentukan pemberat, kita perlu membina matrik perbandingan bagi setiap kumpulan kriteria di setiap tahap. Nilai-nilai perbandingan elemen bagi setiap matrik akan diperolehi melalui perdebatan, perbincangan dan persetujuan pembuat keputusan. Nilai ini akan melambangkan keutamaan sesuatu kriteria ke atas yang lain bagi mencapai objektif kajian. Contohnya, bagi kriteria di Tahap 3 Kembaran B, pembuat keputusan akan membandingkan 4 kriteria, dengan itu kita akan membina matrik perbandingan berpasangan dengan 4 baris dan 4 lajur (matrik 4 x 4) seperti di bawah :

Matrik 1 :

Obj : Keupayaan Briged TD	Perintah & Kawalan	Unit Tempur	Unit Bantuan Tempur	Unit Bantuan Khidmat
Perintah & Kawalan	(1, 1) 1	(1, 2) 3	(1, 3) X	(1, 4)
Unit Tempur	(2, 1) I/3	(2, 2) 1	(2, 3) Y	(2, 4)
Unit Bantuan Tempur	(3, 1) 1/X	(3, 2) 1/Y	(3, 3) 1	(3, 4)
Unit Bantuan Khidmat	(4, 1)	(4, 2)	(4, 3)	(4, 4) 1

Untuk mengisi nilai bagi matrik 1 di atas, kita harus menentukan kepentingan setiap kriteria berbanding dengan kriteria lain yang bertujuan untuk mencapai objektif iaitu menentukan keupayaan formasi. Nilai matrik akan berkisar dari 1 ke 9 dan salingan atau ‘reciprocal’nya seperti yang ditunjukkan di Jadual D-1. Contohnya, di sel (1, 2), jika Perintah & Kawalan adalah “moderately favoured” ke atas Unit Tempur di dalam menentukan keupayaan formasi, masukkan nilai 3 ke dalam sel berkenaan seperti yang ditunjukkan. Seterusnya masukkan nilai salingannya di mana baris Unit Tempur bersilang dengan lajur Perintah & Kawalan [sel (2, 1)] iaitu $I/3$. Setiap elemen akan mempunyai nilai satu jika dibandingkan sesama diri, dengan itu diagonal utama iaitu sel (1, 1),

(2, 2) dan seterusnya akan mengandungi nilai ‘1’ seperti yang ditunjukkan di Matrik 1. Harus diingat bahawa sel matrik sentiasa dibaca sebagai (Baris, Lajur) [(‘Row, Column’)].

Proses penentuan pemberat ini akan diulangi untuk semua kumpulan kriteria di dalam semua hirarki yang berkaitan. Walau bagaimanapun, kumpulan pembuat keputusan yang terlibat mungkin berlainan tertakluk kepada tahap kriteria yang dibincangkan. Di peringkat unit, kita mungkin menyerahkan kepada kor masing-masing bagi menentukan pemberat bagi kriteria untuk unit masing-masing.

Objektif	A	B
A	1	(A, B)?
-		1
-		1

Jadual D - 1. Skala Asas Matrik Perbandingan

Intensity of Importance	Definition	Explanation	Remark
1	Equal importance*	Two activities **, A and B, contribute <i>equally</i> to the objective.	Comparing A to B in cell (A, B)
3	Moderate importance of one over another	Experience and judgement <i>moderately</i> favour activity A over B.	
5	Essential or strong importance	Activity A is <i>strongly</i> more important over B.	
7	Very strong importance	Activity A is <i>very strongly</i> important over B.	
9	Extreme importance	Activity A is <i>extremely</i> more important over B.	
2, 4, 6, 8	Intermediate Values	When <i>compromise</i> is needed.	
Reciprocals 1/2, 1/3,, 1/9	<i>Less importance</i> of A over B	If cell (i, j) has one of the value above then cell (j, i) has the reciprocal.	

* Importance may reflect performance, value, strength, preference etc.

** Activities may reflect criteria, decision alternatives or attributes.

CONTOH ANALITIKAL

Sebagai contoh kita akan membuat simulasi mudah untuk mendapatkan keutamaan ataupun nilai pemberat bagi kriteria di matrik 1 di atas. Setelah semua nilai perbandingan diperolehi dari membuat keputusan kita akan dapat membina matrik lengkap seperti yang ditunjukkan di Jadual D-2 di bawah. Seterusnya kita akan mengira pemberat untuk kriteria

di matrik berkenaan. Pemberat boleh dikira dengan cara anggaran iaitu dengan menjumlahkan setiap baris (seperti di Lajur 'a') dan 'normalised'kan jumlah berkenaan dengan membahagikan jumlah setiap baris dengan jumlah besar semua baris-baris berkenaan. [i.e., $\sum(\text{Baris } n)/\text{Jumlah Besar} : \sum(\text{Baris } n)$] (seperti di Lajur 'b'). Nilai 'normalised' ini boleh dianggap sebagai pemberat bagi setiap kriteria di baris berkaitan.

Obj : Keupayaan Bgd TD	Perintah & Kawalan	Unit Tempur	Bantuan Tempur	Bantuan Khidmat	$\sum_{j=1}^4 (i, j)$	Normalised (Pemberat)
Perintah dan Kawalan	1	1	2	2	6.00	0.31
Unit Tempur	1	1	2	3	7.00	0.36
Bantuan Tempur	1/2	1/2	1	2	4.00	0.21
Bantuan Khidmat	1/2	1/3	1/2	1	2.33	0.12
				Jumlah :	19.33	1.00

Jadual D - 2. Matrik Perbandingan untuk Penentuan Pemberat Kriteria
(Tahap 3 Kembaran B)

Rank	Kriteria	Pemberat	Catatan
1	Unit Tempur	0.36	
2	Perintah dan Kawalan	0.31	
3	Unit Bantuan Tempur	0.21	
4	Unit Bantuan Khidmat	0.12	

Jadual D - 3. Pemberat Kriteria

CONTOH PENGIRAAN KEUPAYAAN BRIGED X

TAHAP 1:

BRIGED X	
61.2%	

1

TAHAP 2:

PERINTAH DAN KAWALAN	
0.31	70%

*

UNIT TEMPUR	
0.36	53.2%

BANTUAN TEMPUR	
0.21	58.0%

BANTUAN KHIDMAT	
0.12	68.3%

TAHAP 3:

MK DIV	
0	

UNIT INFANTERI	
0.2	66%

SEMBOYAN	
0.6	60%

KP	
0.2	68%

MK BGD	
1	70%

UNIT MEKANIS	
0.5	50%

JURUTERA	
0	

ORDNANS	
0.3	71%

UNIT ARMOR	
0.3	50%

ARTILERI	
0	

JLJ	
0.2	62%

KRITERIA	
Pemberat	Keupayaan

KPT	
0.4	55%

PERUBATAN	
0.2	70%

RISIK	
0	

MSS	
0.1	70%

BANTUAN UDARA	
0	

PEMBINAAN KEM-KEM ANGKATAN TENTERA MALAYSIA MELALUI PENSWASTAAN

Lt Kol Ir Baharul Razi bin Abu Hani

SINOPSIS

Aktiviti pembinaan adalah suatu aktiviti yang berterusan di dalam sektor awam dan juga swasta. Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) tidak ketinggalan di dalam usaha untuk melaksanakan projek-projek pembinaan bagi tujuan menyediakan infrastruktur dan bangunan untuk kem-kem tentera dan juga rumah keluarga ATM. Projek-projek ini amatlah penting bagi membolehkan unit-unit dan formasi-formasi ATM berfungsi dengan berkesan dan anggota-anggota tentera serta keluarga mereka dapat hidup dengan selesa. Memandangkan pihak Kerajaan tidak mampu untuk membiayai projek-projek ini secara berterusan maka kaedah penswastaan telah dipilih sebagai salah satu cara untuk membiayai sebahagian daripada projek-projek KEMENTAH bagi meringankan beban kewangan Kerajaan.

PENDAHULUAN

Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) sedang berusaha untuk membina kem-kem dan rumah keluarga baru yang moden dan selesa selaras dengan perolehan peralatan-peralatan baru untuk meningkatkan kecekapan pemerintahan dan operasi unit-unit tentera di seluruh negara. KEMENTAH telah memperuntukkan sejumlah wang yang besar untuk membiayai projek-projek ini setiap tahun di samping pembiayaan pembelian peralatan.

Di dalam usaha untuk menyediakan kemudahan-kemudahan ATM, KEMENTAH telah mempelbagaikan tatacara perolehan kemudahan-kemudahan ini mengikut kesesuaian disebabkan oleh kekurangan anggota profesional dan sumber kewangan yang terhad. Kaedah-kaedah pelaksanaan projek yang diamalkan oleh KEMENTAH pada masa ini adalah kontrak pembinaan biasa, pembelian rumah keluarga secara kelompok, kontrak 'turnkey' dan penswastaan.

Kerajaan mempraktikkan kaedah penswastaan, antara lain sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara dengan membabitkan pihak swasta dalam program pembangunannya. Ini bertujuan untuk mengurangkan peruntukan belanjawan pembangunan dan pentadbiran sektor awam. KEMENTAH dalam usaha meneruskan program pembangunan kem dan rumah keluarga dengan peruntukan pembangunan yang terhad telah memanfaatkan konsep penswastaan ini. Kaedah penjualan aset tanah di tempat-tempat yang bernilai komersil telah digunakan untuk membiayai keperluan pembangunan ATM.

LATAR BELAKANG

Penswastaan didefinisikan sebagai proses pemindahan kepada sektor swasta, aktiviti dan fungsi yang pada tradisinya merupakan tanggungjawab sektor awam. Definisi ini boleh dipakai bagi entiti yang dimiliki oleh Kerajaan dan juga projek baru

yang pada kebiasaannya dilaksanakan oleh sektor awam.

Dasar penswastaan telah diumumkan oleh Kerajaan sebagai satu dasar negara pada tahun 1983 dan merupakan satu pendekatan baru dalam dasar pembangunan negara. Pendekatan ini mencerminkan hasrat Kerajaan untuk mengurangkan penglibatannya dalam ekonomi serta tahap dan skop perbelanjaan awam dan pada masa yang sama membenarkan kuasa pasaran menentukan aktiviti ekonomi. Hasrat ini dijangka akan dapat dicapai melalui penswastaan projek-projek dan perkhidmatan-perkhidmatan yang dapat diuruskan dengan lebih cekap oleh sektor swasta. Penswastaan juga adalah salah satu cara untuk mengagihkankekayaan negara secara saksama melalui pembelian saham dalam projek-projek berkenaan. Proses penswastaan akan mendorong ke arah perkembangan pasaran modal dan dengan itu dapat meningkatkan sumbangan sektor swasta kepada pertumbuhan ekonomi. Walaupun Kerajaan boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi melalui pengluasan belanjawan, pendekatan ini tidak boleh kekal kerana sumber kewangan Kerajaan adalah terhad.

Lanjutan daripada pembentukkan dasar penswastaan pada 1983, pihak Kerajaan telah mengeluarkan "*Garis Panduan Mengenai Penswastaan*" pada tahun 1985, yang antara lain, menggariskan secara terperinci objektif dasar penswastaan negara, bentuk-bentuk penswastaan dan juga jentera pelaksanaannya. Seterusnya Kerajaan telah mengeluarkan "*Pelan Induk Penswastaan*" pada tahun 1991 untuk memperluas dan mempergiatkan lagi pelaksanaan dasar penswastaan untuk mempercepatkan pencapaian objektif dasar ini. Secara amnya objektif dasar penswastaan negara dan bentuk penswastaan yang diamalkan oleh

Kerajaan adalah seperti berikut:

OBJEKTIF DASAR PENSWASTAAN NEGARA

- * **Mengurangkan Beban Kewangan Dan Pentadbiran Kerajaan.** Dasar ini dirangka untuk membolehkan Kerajaan menyerahkan kegiatan komersil kepada sektor swasta supaya Kerajaan dapat menumpukan usaha ke atas fungsi tradisi seperti mengekalkan keamanan negara dan memberi sokongan bagi mencapai objektif pertumbuhan dan pengagihan.
- * **Meningkatkan Kecekapan Dan Daya Pengeluaran.** Penswastaan dijangka meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran kegiatan ekonomi. Kecekapan dapat ditingkatkan melalui beberapa cara termasuk mewujud dan menggalakkan persaingan, memberi beberapa bentuk insentif kepada kakitangan dan menjauhkan syarikat-syarikat kerajaan daripada pengawasan politik serta peraturan kerajaan.
- * **Mempercepatkan Pertumbuhan Ekonomi.** Penswastaan akan membuka peluang kepada sektor swasta bagi meningkatkan peranannya dalam pembangunan negara. Sektor swasta yang berorientasi komersil dan mengutamakan keuntungan dijangka menjadi teras bagi pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat. Dengan meningkatnya kecekapan dan keuntungan, Kerajaan akan memperolehi hasil tambahan khususnya melalui cukai korporat bagi membiayai projek-projek yang dirancangkan bagi pembangunan sosio-ekonomi.
- * **Mengurangkan Saiz Dan Penglibatan Sektor Awam Dalam Ekonomi.** Dengan pengurangan penglibatan Kerajaan secara

beransur-ansur dalam kegiatan ekonomi, saiz sektor awam akan menjadi lebih kecil dan dengan itu peranan sektor swasta semakin bertambah penting dalam menerajui ekonomi negara.

* **Membantu Mencapai Matlamat Dasar Ekonomi Negara.** Dengan memperluaskan prospek pertumbuhan sektor swasta, khususnya sektor korporat, penswastaan akan menyediakan peluang bagi meningkatkan lagi kadar pencapaian objektif dasar ekonomi negara khususnya dari segi penyusunan semula corak pemilikan di dalam ekonomi.

BENTUK PENSWASTAAN

* **Penjualan (Ekuiti atau Aset).** Penjualan ekuiti adalah khusus bagi syarikat-syarikat Kerajaan dan melibatkan pemindahan ketiga-tiga komponen organisasi iaitu tanggungjawab pengurusan, aset (beserta atau tanpa tanggungan) dan kakitangan. Bentuk penswastaan ini boleh melibatkan penjualan sebahagian atau keseluruhan ekuiti sesuatu syarikat. Di dalam Penswastaan sesuatu agensi Kerajaan yang merupakan sebuah Badan Berkanun (seperti TNB dan Telekom), penjualan ekuiti hanya dilaksanakan selepas janya diperbadankan. Penjualan aset pula boleh melibatkan aset yang dimiliki oleh apau jua organisasi Kerajaan sama ada syarikat atau lain-lain entiti.

* **Pajakan.** Kaedah pajakan melibatkan pemindahan hak menggunakan aset untuk tempoh tertentu dengan bayaran pajakan. Kaedah ini biasanya digunakan bagi penswastaan entiti yang mempunyai aset bernilai tinggi dan bersifat strategik seperti pelabuhan dan lapangan terbang. Walaupun tidak ada pemindahan kedudukan hakmilik aset berkenaan, tetapi peraturan-peraturan boleh

dibuat bagi pemajak membeli aset berkenaan di akhir tempoh pajakan. Contoh penswastaan yang menggunakan kaedah ini ialah Depot Baikpulih Kapalterbang (TUDM).

* **Kontrak Pengurusan.** Kaedah ini melibatkan penggunaan kepakaran pengurusan sektor swasta untuk mengurus sesuatu entiti Kerajaan dengan dibayar yuran pengurusan. Kaedah ini meliputi pemindahan tanggungjawab pengurusan kepada sektor swasta dan mungkin juga melibatkan pemindahan kakitangan tetapi tidak melibatkan pemindahan hakmilik aset. Di antara penswastaan yang menggunakan kaedah ini ialah aktiviti pemasaran RISDA dan kemudahan pelancongan di Taman Negara.

* **'Bina-kendali-pindah' (BKP) Atau 'Build-operate-transfer' (BOT) Dan 'Bina-kendali' (BK) Atau 'Build-operate' (BO).** Kedua-dua kaedah ini digunakan bagi penswastaan projek-projek baru yang secara tradisi dimajukan oleh sektor awam termasuk projek infrastruktur dan kemudahan awam seperti jalan dan bekalan air. Kaedah BKP melibatkan pembinaan sesuatu kemudahan awam oleh pihak swasta dengan pembiayaannya sendiri dan akan mengendalikannya bagi tempoh yang dinamakan tempoh konsesi. Kemudahan-kemudahan ini akan diserahkan balik kepada Kerajaan di akhir tempoh konsesi tersebut. Dalam tempoh konsesi tersebut, sektor swasta dibenarkan mengutip caj terus daripada pengguna kemudahan berkenaan atau secara tidak langsung daripada pihak perantaraan, biasanya institusi Kerajaan. Di antara projek yang diswastakan mengikut kaedah ini ialah Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) dan Bekalan Air Ipoh. Kaedah BK adalah hampir sama dengan kaedah BKP, kecuali kaedah BK tidak melibatkan penyerahan balik kemudahan

berkenaan kepada Kerajaan. Di antara penswastaan yang menggunakan kaedah ini ialah Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) dan Desaru International Resort. Kedua-dua kaedah ini biasanya melibatkan pemberian lesen dan/atau konsesi.

PROJEK PENSWASTAAN DI DALAM ATM

Penswastaan bukanlah satu fenomena yang baru di dalam ATM. Di antara kemudahan yang telah diswastakan oleh KEMENTAH ialah Depot Baikpulih Kapalterbang TUDM (AIROD) dan Lumut Dockyard. AIROD telah diswastakan pada tahun 1985 manakala Lumut Dockyard pula telah diperbadankan pada tahun 1991. Penswastaan kedua-dua kemudahan ini adalah menerusi kaedah pajakan.

Kekuatan dan kecekapan ATM bukan sahaja bergantung kepada latihan-latihan yang kemas, penggunaan peralatan moden dan canggih malahan keselesaan dan kemudahan tempat tinggal serta suasana bekerja yang dapat disediakan. Permodenan dan penstrukturran semula ATM akan melibatkan pembinaan kem-kem tentera dan rumah keluarga yang baru. Rancangan Penstrukturran semula ATM dalam menghadapi cabaran di Abad Ke-21 perlu dilaksanakan seiring dengan pembangunan peralatan, persenjataan, infrastruktur dan sumber manusianya.

Selain daripada penstrukturran semula ATM, keadaan sebahagian daripada kem-kem tentera yang sedia ada telah usang dan memerlukan peningkatan dan pembinaan semula kem-kem berkenaan. Keadaan bangunan di kem-kem berkenaan amatlah daif serta usang dan tidak lagi ekonomikal untuk diperbaiki.

Keperluan perumahan ATM sehingga tahun 2000 mengikut skala berdasarkan kepada unjuran "Force Level Review" adalah berjumlah 69,587 unit. Sehingga penghujung Rancangan Malaysia Kelima (RMK5) KEMENTAH telah berjaya menyediakan sejumlah 45,165 unit rumah keluarga. 17,187 unit rumah keluarga telah dan sedang dibina di seluruh negara di dalam RMK6 melalui kontrak pembinaan biasa, pembelian dan penswastaan. Jumlah rumah keluarga yang dibina melalui penswastaan setakat ini adalah 1,798 unit. Secara keseluruhan ATM masih lagi kekurangan rumah keluarga sebanyak 7,235 unit.

Pembinaan kem-kem tentera dan rumah-rumah keluarga tersebut akan menelan belanja yang besar manakala sumber kewangan Kerajaan untuk membiayai keperluan ini melalui kaedah perolehan biasa amatlah terhad. Oleh yang demikian, KEMENTAH terpaksa mencari alternatif lain bagi menampung keperluan berkenaan. Pembinaan projek-projek ini dijangka dapat disegerakan melalui kaedah penswastaan kerana KEMENTAH mempunyai aset-aset tanah yang bernilai tinggi di kawasan-kawasan bernilai komersial yang boleh diswastakan untuk membiayai projek-projek tersebut.

PENDEKATAN PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PENSWASTAAN

Jentera pentadbiran yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan dasar penswastaan adalah berasaskan kepada prinsip perancangan yang dipusatkan dan pelaksanaan yang diagih-agihkan. Perancangan ke atas pelaksanaan program penswastaan dipusatkan di Unit Perancangan Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan dilaksanakan oleh Kementerian yang berkenaan.

Rancangan. Cadangan sesuatu projek penswastaan yang hendak dilaksanakan oleh KEMENТАH bermula dengan pendaftaran projek oleh pihak Perkhidmatan (Darat, Laut atau Udara) kepada Bahagian Pembangunan, KEMENТАH. Di peringkat ini pihak Perkhidmatan perlu mengenal pasti dan mengesyorkan bentuk penswastaan yang akan dilaksanakan iaitu sama ada melalui penjualan aset, BKP atau lain-lain bentuk yang sesuai. Bahagian Pembangunan akan menaja projek tersebut kepada Jawatankuasa Pembangunan, KEMENТАH untuk kelulusan. Setelah kelulusan Jawatankuasa Pembangunan diperolehi, projek akan didaftarkan dengan Jawatankuasa Pembangunan di UPE. Taklimat Kuarter (*Q Brief*) yang disediakan oleh pihak Perkhidmatan akan dikemukakan oleh Bahagian Pembangunan kepada UPE setelah ia disemak dan didapati menepati semua keperluan. UPE akan mempelawa tawaran daripada sektor swasta menerusi cara yang sesuai untuk menswastakan projek tersebut.

Tawaran Pihak Swasta. Pihak swasta yang berminat untuk turut serta di dalam projek berkenaan akan mengemukakan tawaran kepada UPE dan disalinkan kepada Bahagian Pembangunan dan pihak Perkhidmatan yang berkenaan. Tawaran yang diterima disemak oleh pihak Perkhidmatan dan ulasan terhadap tawaran tersebut dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan yang bertanggungjawab mengemukakan ulasan KEMENТАH kepada UPE. UPE akan memanggil syarikat-syarikat yang membuat tawaran untuk memberi persembahan projek. Persembahan ini turut dihadiri oleh wakil-wakil yang berkenaan daripada KEMENТАH.

Tapisan Agensi Pusat. UPE akan membuat tapisan yang teliti ke atas pihak yang mengemukakan tawaran bagi memastikan sesuatu projek penswastaan dilaksanakan dengan lancar dan mematuhi dasar-dasar Kerajaan. Tapisan ini adalah bertujuan untuk memastikan bahawa pihak yang membuat tawaran

mempunyai keupayaan kewangan dan teknikal yang diperlukan. UPE akan mengemukakan projek berkenaan kepada Kabinet untuk kelulusan dan menentukan pihak swasta akan melaksanakan projek berkenaan.

Penyediaan Ringkasan Projek. Proses di atas, iaitu mulai daripada peringkat pendaftaran projek oleh pihak Perkhidmatan kepada Bahagian Pembangunan sehingga peringkat kelulusan Kabinet mungkin memakan masa beberapa tahun. Berdasarkan kepada pengalaman KEMENТАH dalam usaha untuk menjayakan projek-projek penswastaan setakat ini, keperluan semasa pihak perkhidmatan didapati telah berubah berbanding dengan keperluan awal di dalam Taklimat Kuarter asal yang telah dikemukakan kepada UPE. Oleh yang demikian, keperluan dan skop projek perlu disediakan semula. Sehubungan dengan itu, pihak perkhidmatan akan meminta Jabatanarah Perumahan dan Pembinaan (JP&P) untuk mengkaji dan menyelaras keperluan semasa projek dan menyediakan Ringkasan Projek (*Project Brief*). Bagi tujuan ini JP&P akan membentuk satu Jawatankuasa Kecil Teknikal projek yang dianggotai oleh tenaga profesional yang terdiri daripada arkitek, jurutera awam, jurutera elektrik, jurutera mekanikal dan jurukur bahan JP&P dan wakil-wakil daripada pihak perkhidmatan, pengguna dan Bahagian Pembangunan. Pihak perkhidmatan dan pengguna akan diminta menyediakan Taklimat Kuarter yang baru bagi setiap pasukan yang terlibat di dalam projek berkenaan bagi membolehkan Ringkasan Projek terkini disediakan.

Penyediaan Reka Bentuk Asas. Setelah menerima ringkasan projek, pihak kontraktor yang dikenal pasti untuk melaksanakan projek akan menyediakan reka bentuk asas (*conceptual design*) dan anggaran awal kos projek berdasarkan kepada keperluan dan skop projek berkenaan. Reka bentuk berkenaan seterusnya akan disemak oleh Jawatankuasa Kecil Teknikal projek untuk

menentukan semua keperluan projek dipenuhi. Reka bentuk tersebut juga akan turut dipersembahkan kepada Panglima Perkhidmatan untuk kelulusan. Di dalam peringkat semakan ini beberapa skop tambahan yang sebelumnya tidak dikenal pasti akan dikemukakan oleh pihak pengguna bagi tujuan kesempurnaan projek. Selain daripada itu, perubahan reka bentuk di segi kesesuaian, fungsi dan susun atur projek juga dikemukakan kepada kontraktor untuk pindaan. Sekiranya anggaran kos projek pada peringkat ini melebihi had bumbung yang diluluskan oleh Kabinet bagi penswastaan berkenaan, beberapa skop kerja pula perlu dikeluarkan.

Kelulusan Jawatankuasa Piawaian dan Kos,

UPE. Setelah reka bentuk dan spesifikasi projek menepati kehendak pengguna dan anggaran kos di dalam lingkungan had bumbung yang diluluskan, reka bentuk berserta spesifikasi dan anggaran kos terperinci akan dikemukakan oleh Bahagian Pembangunan kepada Jawatankuasa Piawaian dan Kos, UPE untuk kelulusan. Reka bentuk projek perlu menepati piawaian Kerajaan. Sebarang kekurangan perlu dipinda oleh kontraktor selaras dengan ulasan UPE.

Rundingan Harga.

Rundingan harga akan diadakan untuk menentukan anggaran kos projek yang disediakan oleh kontraktor munasabah dan wajar. Rundingan harga akan diselaraskan oleh Bahagian Pembangunan dan dihadiri oleh juruukur bahan JP&P, kontraktor dan wakil-wakil daripada pihak-pihak yang berkenaan. Proses ini akan diikuti dengan penyediaan reka bentuk akhir (*final drawing*) oleh kontraktor selaras dengan pindaan-pindaan dan penyelaras yang diperlukan hasil daripada rundingan harga tersebut.

Penyediaan Dokumen Kontrak. Dokumen kontrak bagi sesuatu projek penswastaan dipanggil Perjanjian Penswastaan Tiga Pihak (*Tripartite Privatisation Agreement*). Perjanjian ini dimeterai di antara Kerajaan Malaysia, Syarikat Tanah & Harta Sdn Bhd (Syarikat milik Kerajaan) dan kontraktor. Dokumen perjanjian projek disediakan oleh peguam pihak kontraktor dan ianya disemak oleh pihak KEMENTERAH dan pihak Peguam Negara bagi

menentukan kepentingan Kerajaan dilindungi. Apabila draf perjanjian, lukisan asas, spesifikasi dan harga projek dipersetujui, dokumen-dokumen ini akan dijilidkan dan perjanjian sedia untuk dimeterai. Berikutnya pihak kontraktor perlu menyediakan lukisan-lukisan terperinci projek sebelum kerja-kerja pembinaan di tapak bina dimulakan. Pelaksanaan projek akan dibuat secara "*turnkey*" dan syarat-syarat kontrak "*turnkey*" adalah merupakan sebahagian daripada perjanjian projek. Memandangkan reka bentuk projek disediakan dan pengawasan projek dilaksanakan oleh kontraktor, syarat-syarat kontrak memperuntukkan agar kontraktor menyediakan jaminan reka bentuk selama 5 tahun dan jaminan senggaraan selama 2 tahun.

Pelaksanaan Projek. Di dalam pelaksanaan projek melalui konsep turnkey pengawasan projek di peringkat pembinaan adalah tanggungjawab kontraktor turnkey melalui juruperunding-juruperunding yang dilantik oleh beliau. Walau bagaimanapun syarat-syarat kontrak memperuntukkan seorang Pengarah Projek (*Project Director*) untuk mengawas pelaksanaan projek bagi pihak Kerajaan. Di antara tanggungjawab Pengarah Projek adalah seperti berikut:

- * Menentukan kepentingan pihak pengguna dilindungi pada setiap masa dan mengawasi semua aktiviti di tapak.
- * Menentukan kerja dilaksanakan mengikut lukisan dan spesifikasi kerja dan pihak kontraktor mematuhi sepenuhnya jadual kerja yang dipersetujui.
- * Menentukan peralatan dipasang dan kerja-kerja tertutup dilaksanakan dengan sempurna.
- * Mengadakan mesyuarat kordinasi dengan kontraktor untuk menentukan projek berjalan lancar dan mengenal masalah-masalah projek.
- * Mengesahkan penilaian kemajuan kerja kontraktor bagi menentukan penilaian kerja

setimpal dengan kerja sebenar di tapak pembinaan.

PROJEK-PROJEK PENSWASTAAN ATM

Di dalam usaha untuk memanfaatkan kaedah penswastaan bagi mencapai hasrat untuk meneruskan

program pembangunan kem dan rumah keluarga ATM, KEMENTERAH telah mengenalpasti projek-projek yang akan dilaksanakan melalui kaedah ini. Setakat ini dua buah projek rumah keluarga di dalam pembinaan dan empat projek lagi telah diluluskan dan sekarang ini diperingkat penyediaan dokumen-dokumen yang berkaitan sebelum perjanjian projek ditandatangani. Selain daripada itu beberapa projek lagi sedang dirancangkan. Ringkasan projek adalah seperti berikut:

Bil	Projek	Tanah (ekar)	Nilai (RM)	Skop Projek	Catatan
(a)	(b)	(c)	(d)	(e)	(f)
	Dalam Pembinaan				
1.	Selangor	365	127.2 juta	1,526 unit rumah keluarga di enam lokasi	Hampir siap
2.	Pulau Pinang	48.6	19.8 juta	272 unit rumah keluarga kelas F	136 unit telah siap
	Telah Diluluskan				
3.	Kompleks Divisyen	703.76	312.4 juta	Markas Divisyen dan pelbagai unit TD	
4.	Kompleks Divisyen	34.6	82 juta	Markas Divisyen dan pelbagai unit TD	
5.	Kompleks Briged	382	256 juta	Markas Briged dan unit TD	Perjanjian telah ditandatangani
6.	Kem Transit	9.2	66 juta	Kem Transit dan Kem Rejimen Askar Wataniah	
	Dalam Perancangan				
7.	Kompleks Briged	777	140 juta	Markas Briged dan unit TD	
8.	Kompleks Briged	219	100 juta	Markas Briged dan unit TD	

Ringkasan Projek-projek Penswastaan ATM



Flat Jenis F



Flat Jenis G



Rumah Teres Jenis G

ULASAN

Keperluan awal projek yang disediakan oleh perkhidmatan tidak lengkap. Kekurangan ini menyebabkan ringkasan projek (*project brief*) yang baru perlu disediakan apabila sesuatu projek diluluskan oleh Kabinet. Ini menyebabkan cadangan (*proposal*) asal yang disediakan dan kadar harga yang ditawarkan oleh syarikat tidak dapat digunakan. Lukisan-lukisan projek yang baru perlu disediakan dan kadar projek pula perlu dirundingkan. Ini menyebabkan kelewatan pelancaran projek dan juga kenaikan kadar harga kerja-kerja yang akan dilaksanakan.

Skop dan butiran projek yang dikehendaki oleh pihak perkhidmatan semasa menyediakan lukisan projek kerap berubah. Perkara ini menyulitkan penyediaan lukisan kerana ianya perlu dipinda dan disemak beberapa kali dan melewatkannya proses penyediaan lukisan projek. Juruperunding projek yang dilantik oleh pemaju kurang peka dengan keperluan reka bentuk dan dokumen yang diperlukan oleh KEMENTAH. Perkara ini timbul kerana pihak perunding tidak memahami organisasi dan fungsi-fungsi unit-unit yang terlibat. Oleh yang demikian, lukisan-lukisan awal yang disediakan tidak bersesuaian dengan fungsi dan operasi unit-unit berkenaan. Masalah ini hanya dapat di atasi melalui tapisan dan semakan oleh Jawatankuasa Teknikal Projek.

Kawalan mutu sukar untuk ditentukan kerana pengawasan projek dilaksanakan oleh pihak perunding yang dilantik oleh kontraktor. Pada prinsipnya pelaksanaan projek secara '*turnkey*' sepatutnya lebih mudah kerana pihak kerajaan hanya perlu berurus dengan satu pihak sahaja iaitu kontraktor '*turnkey*' yang dilantik. Kontraktor '*turnkey*' berkenaan bertanggungjawab ke atas semua aktiviti reka bentuk dan pembinaan projek. Tetapi kenyataannya ialah kerap didapati pihak kontraktor tidak menempatkan tim

pengawasan projek yang berkelayakan dan pihak perunding yang bertanggungjawab menyelia, mengesahkan kemajuan dan kualiti projek tidak memberikan tumpuan yang sewajarnya. Bagi mengatasi masalah ini pihak kerajaan perlulah menempatkan tim teknikal di tapak projek untuk mengelakkan penilaian kerja yang melebihi kemajuan kerja sebenar di tapak dan untuk memastikan mutu kerja menepati spesifikasi kontrak. Tim ini bertanggungjawab untuk melaksanakan audit teknikal ke atas kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dan mengawasi kemajuan kerja. Tim ini tidak bertanggungjawab menyelia projek secara langsung kerana penyeliaan projek adalah tanggungjawab perunding yang dilantik oleh kontraktor.

Mesyuarat koordinasi projek diadakan setiap bulan bagi mengatasi masalah-masalah yang timbul. Mesyuarat ini amatlah perlu kerana projek melibatkan berbagai pihak seperti kerajaan, kontraktor utama, juruperunding, kontraktor-kontraktor kecil dan lain-lain.

Kebiasaannya harga kontrak bagi projek-projek yang dilaksanakan melalui kaedah penswastaan adalah lebih tinggi daripada harga kontrak bagi projek-projek yang dilaksanakan melalui kaedah pembinaan biasa kerana harga projek penswastaan turut mengambil kira kos tambahan bagi yuran guaman, perundingan, pengurusan, pengawasan dan cukai perkhidmatan. Tambahan kos ini adalah lebih kurang 13% daripada kos pembinaan.

Penyerahan tanah di lokasi-lokasi yang bernilai komersial kepada pihak swasta mungkin akan menyebabkan KEMENTAH kehilangan aset tanah yang bernilai tinggi. Walau bagaimanapun, KEMENTAH terpaksa memilih pendekatan ini bagi membolehkan ATM membiayai pembinaan kem-kem baru yang moden, lengkap serta mempunyai kemudahan-kemudahan yang bersepadu bagi memenuhi keperluan dan cabaran abad ke-21 sejajar dengan wawasan negara untuk

menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Selain daripada itu kem-kem yang sedia ada di atas tanah-tanah berkenaan berada dalam keadaan uzur serta usang dan keadaan ini tidak membantu di dalam usaha untuk mempertingkatkan imej ATM.

Tanah bagi tujuan aktiviti perdagangan dan industri di kawasan-kawasan bandar ketika ini semakin berkurangan. Tanah-tanah yang diswastakan akan dibangunkan semula oleh pihak swasta dan ini secara tidak langsung menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi setempat dan juga negara selain daripada menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan. Pembinaan kem-kem baru juga akan turut menjadi pemangkin kepada pembangunan kawasan-kawasan yang sebelum ini agak ketinggalan di dalam arus pembangunan negara.

PENUTUP

Konsep penswastaan adalah satu kaedah baru bagi membolehkan Kementerian Pertahanan meneruskan program pembangunan kem dan rumah keluarga ATM kerana peruntukan pembangunan yang terhad. Kaedah ini membolehkan kemudahan-kemudahan yang moden dan lengkap dibina, ini secara tidak langsung akan mempertingkatkan imej ATM tanpa perlu membelanjakan wang dari sumber-sumber kerajaan. Pembinaan kem-kem baru pula membawa pembangunan ke kawasan-kawasan berkenaan. Tanah-tanah yang diswastakan pula akan dibangunkan bagi tujuan komersial dan ini akan turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara sekaligus membantu negara ke arah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.



Lt Kol Ir Baharul Razi bin Abu Hani telah ditauliahkan ke dalam Kor Jurutera Diraja pada 1 November 1985 selepas menerima Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Awam) daripada University of New South Wales, Australia. Beliau pernah berkhidmat di Skuadron Jurutera Keenam, Taiping dan Bahagian Staf Perisikan Pertahanan. Beliau kini memegang jawatan Pegawai Staf 1 Pelaksanaan di Jabatanarah Perumahan dan Pembinaan, Bahagian Logistik Pertahanan, Markas ATM.

KERJASAMA EKONOMI SECARA MULTILATERAL DI ASIA-PASIFIK - CABARAN DAN PROSPEK

Mej Mohd Ramli bin Jaafar

Mediterranean adalah samudera zaman silam, Atlantik zaman kini dan Pasifik samudera masa depan

John Hay, Setiausaha Negara AS

PENDAHULUAN

